# KERATAN AKHBAR
# TAHUN 2008

# AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

2008 1

ASWARA

BERITA HARIAN
Tarikh: 31/01/08

BH 31/01/08

# PEMENTASAN Kesenian Padang

PEMENTASAN Kumpulan Kesenian Bukit Tinggi Padang, Sumatera akan diadakan di Panggung Eksperimen, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, pada 3 Februari ini, jam 8.30 malam dan semua dipelawa hadir manakala maklumat lanjut hubungi Siti Zubaida Awang di talian 03-26975046.

THE MALAY MAIL
Tarikh: 20.2.2006

# Rais: Blog bashing not our culture

**BLOGGERS should evaluate themselves before indulging in an unhealthy culture of bashing others, including government leaders, on their blogsites, Culture, Arts and Heritage Minister Datuk Seri Dr Rais Yatim said.**



**MEMENTO: Rais receives a gift from Yusnor (left) after the launch of the book and compact disc *Aku, Dia dan Lagu-Lagu Nostalgia***

BERNAMApic

He said although government bashing in the blogsites was among the challenges faced by the Barisan Nasional in the general election, it was not the nature of BN leaders to resort to using blogsites to attack others in their campaigns to win the elections.

"They (bloggers) condemn the prime minister, ministers and other members of the administration but not themselves. As the Malay adage goes, 'it's pointing the forefinger to the front and thumb to your chest'," he said after launching a book and compact disc, *Aku, Dia dan Lagu-Lagu Nostalgia*, by Yusnor Ef at Aswara at the National Arts, Culture and Heritage Academy in Kuala Lumpur yesterday.

"Not only are the bloggers having a mental block but the PAS' spiritual leader's mind too is blocked when he equated Umno members to orang-utan.

"The bloggers are getting bolder, but I see it this way — the general election is the season for condemning or 'killing' others with words, but this is not BN culture. I suggest that they attend courses on good manners as good manners is Malaysian culture." — Bernama

BERITA HARIAN
Tarikh: 24/06/08

PERPUS
ASWARA

# Di Sana Sini

Oleh Unit Sastera

## FORUM Peradaban Malaysia

FORUM Sasterawan Dalam Pembinaan Peradaban Malaysia akan diadakan di Dewan Kuliah Utama, Akademi Seni dan Budaya Warisan Kebangsaan (Aswara), Kuala Lumpur, pada 25 Jun ini, jam 2.30 petang.

Ahli panel pada forum ini ialah Sasterawan Negara (SN), (Dr) Muhammad Abdul Biang atau lebih dikenali sebagai Arenawati; Ketua 1 Gabungan Persatuan-persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Prof Emeritus Tan Sri (Dr) Ismail Hussein dan Pensyarah Universiti Malaya, Dr Abu Hassan Hasbullah.

BERITA HARIAN
Tarikh: 07/03/08

DAWAMA

# Balai Budaya menyemarakkan seni di Jelebu



Rais memukul gong sebagai tanda merasmikan Balai Budaya Simpang Pertang dan diperhatikan Masnah

Lebih banyak kegiatan seni terutama program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) dapat diadakan di kawasan Parlimen Jelebu, berikutan langkah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA) membina sebuah Dewan Budaya, di Simpang Pertang.

Dengan ada sebuah tempat khusus menyenangkan jabatan dan agensi di bawah KEKKWA merancang program untuk faedah penduduk setempat.

Baru-baru ini, Menteri KEKKWA, Datuk Seri Utama, Dr Rais Yatim merasmikan dewan berkenaan. Majlis turut dihadiri Ahli Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan, Datuk Abdul Razak Mansor, pemimpin Barisan Nasional setempat serta Datin Seri Masnah Rais.

Sempena dengan perasmian dewan itu, diadakan PMS. Program itu bertujuan mendedahkan seni budaya kepada masyarakat kampung dan luar bandar, selain bersama-sama menghayati aktiviti kebudayaan dan kesenian.

Melalui pendekatan PMS ini, hasrat dan hala tuju kementerian untuk merakyatkan seni dan budaya diharapkan tercapai. KEKKWA menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara sudah mengadakan puluhan PMS sama ada berskala besar, sederhana dan kecil-kecilan.

Menerusi PMS, KEKKWA membawa seni ke sesebuah kawasan khususnya pedalaman. Disebalik nyanyian, diselitkan juga skesta dan lawak jenaka. Penghibur tadi menyelit unsur murni dan program KEKKWA seperti kempen budi bahasa, kempen membaca, menyayangi warisan, budaya dan sebagainya.

Satu lagi yang menarik mengenai PMS kerana ia menyelitkan semangat gotong-royong di kalangan orang ramai. Kebiasaannya penduduk kampung dan dibantu kakitangan KEKKWA bersama-sama menyembelih lembu dan menyediakan makanan untuk tetamu yang datang.

Seperti yang pernah ditegaskan Rais sebelum ini, bahawa PMS bukan saja membawa seni budaya tetapi cuba menyelitkan nilai murni melalui lawak jenaka, sketsa serta semangat bergotong-royong.

Selain itu, untuk PMS berskala besar semua jabatan di bawah KEKKWA mengadakan pameran. Ia memberi ruang dan peluang kepada penduduk setempat mendapat informasi yang bersesuaian dengan mereka dan ahli keluarga.

Jika ada yang ingin menyambung pelajaran dalam bidang seni budaya dan filem, mereka boleh merujuk pada petugas di gerai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), jika mereka berminat dengan filem, mereka boleh mendapatkan informasi mengenai latihan yang dikendalikan Finas dan jika berminat menjadi artis budaya boleh merujuk kepada Istana Budaya.

Pada masa lalu, orang ramai tidak mengambil peluang daripada gerai-gerai yang diwujudkan oleh agensi di bawah KEKKWA. Guru sepatutnya membawa pelajar mereka mendapat informasi yang bersesuaian daripada pegawai bertugas di kaunter gerai yang diwujudkan.

Jadi janganlah melihat PMS untuk menyajikan hiburan semata. Bila dikaitkan dengan hiburan, pihak sekolah kurang berminat. Hiburan sebagai alat semata, tetapi yang penting Kementerian membawa agensinya kepada masyarakat. Mereka tidak perlu datang ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat berkenaan.

Rasanya maklumat itu yang belum sampai kepada masyarakat. Pihak yang ingin mendapat informasi berguna, datanglah ke PMS kerana mereka akan mendapat butiran terperinci mengenai pelbagai program, bantuan yang disediakan jabatan dan agensi di bawah KEKKWA.

Jadi PMS di Jelebu atau di tempat lain jangan diabaikan kerana ini adalah peluang terbaik kepada pelajar dan pihak lain yang ingin mendapatkan maklumat. Jangan lepaskan peluang itu.

BERITA HARIAN
Tarikh: 25/3/2008

# Rahim gigih martabat irama Malaysia

INGATKAH lagi anda kepada penyanyi Rahim Jantan atau nama sebenarnya Mohd Noh Jantan? Pemilik suara bergenre irama tradisional asli kini muncul kembali dengan koleksi empat album kompilasi dalam satu. Dihasilkan dalam format CD dan VCD, album itu sudah berada di pasaran sejak 17 Mac lalu.

Album kompilasi itu memuatkan kompilasi lagu-lagu sejak album terdahulu.

Anak jati kelahiran Melaka ini sudah mula aktif dalam bidang nyanyian semasa di peringkat sekolah rendah, sekitar tahun 1964. Di saat usianya mencecah 61 tahun, Rahim masih aktif memperjuangkan irama Malaysia. Usahanya wajar dipuji. Biarpun kelihatan menyepi selama ini, sebenarnya Rahim tidaklah meninggalkan terus bidang yang dicintainya. Rahim masih mengajar, menjadi pensyarah di Akademi Seni Warisan (Aswara). Permintaan membuat persembahan tertutup dan VIP masih dipenuhinya.

"Alhamdulillah syukur akhirnya saya dapat muncul dengan album kompilasi pada tahun ini. Dapat juga saya bersemuka dengan generasi baru. Insya-Allah harapnya comeback saya kali ini dapat diterima ditambah dengan bekalan pengalaman yang ada pada saya. Selama ini pun saya bukannya menyepi terus daripada bidang seni, saya masih memenuhi undangan persembahan secara tertutup di samping menjadi pensyarah di ASWARA.

"Insya-Allah saya masih boleh bertahan. Irama Malaysia masih ada permintaan dan tak lekang lagi menjadi sebutan. Tidak timbul soal ketinggalan atau tidak, kerana saya percaya setiap genre muzik ada kelompok peminatnya masing-masing. Irama itu sudah sebati dalam hidup saya. Bak kata pepatah, tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan. Jika saya tidak bersama syarikat rakaman Metro Muzik, mungkin juga khazanah saya akan hilang begitu saja," kata Rahim.

Ditanya adakah usahanya untuk memperjuangkan kembali muzik tradisi diibaratkan hanya melepaskan batuk di tangga, penyanyi itu menegaskan usaha untuk memartabatkan muzik seperti itu sebenarnya tidak pernah akan ada noktah.

"Perasaan ralat tu memang ada. Saya pernah kecewa dan putus asa. Tapi sampai bila kita nak biarkan perasaan negatif ini terus bermaharajalela dalam hidup kita. Usaha dan hasrat saya tidak pernah mengenal penghujung. Tiada noktah dalam kamus hidup saya.

"Saya mungkin akan bertambah kecewa kalau saya sendiri yang tidak mahu memperjuangkan irama ini. Selagi hayat di kandung badan, insya-Allah saya akan utuh meneruskan niat ini," katanya yang turut menjalankan bengkel muzik.



Rahim Jantan

Perkembangan irama muzik tradisional dilihat ketandusan pelapis baru yang bakal memastikan kesinambungan muzik itu terus berterusan. Siapa lagi yang layak mewarisi khazanah muzik kebanggaan nenek moyang kita, kalau bukan generasi baru. Rahim turut mengakui senario kekurangan bakat baru yang mampu memastikan hayat irama itu terus utuh di liganya yang tersendiri.

"Setakat ini memang sukar untuk menjawab persoalan itu. Memang susah untuk saya menamakan mana-mana pelapis baru yang boleh terus memperjuangkan irama Malaysia.

"Saya tidak nampak lagi mana-mana artis muda yang boleh dianggap pelapis. Penilaian kita terhadap seseorang bukan pada permulaan pacuan seninya saja, sebaliknya hingga ke titik akhir perjuangannya. Kita tidak boleh mengukur mana-mana artis itu pada pencapaian trek rekod dengan hanya satu album. Sebaliknya ia lebih menekankan kepada proses untuk mengekalkan hayatnya di persada seni.

"Ingat saya pada bait pantun berbunyi, meniti jangan jatuh, kalau berjalan biar perlahan, patah tumbuh hilang berganti dan yang tumbuh itu jangan mencelah dulu. Bait pantun ini cukup bermakna. Diibaratkan, jalan untuk meniti popular itu memanglah senang, tapi untuk memastikannya terus kekal bukan satu perkara enteng," ungkap Rahim penuh makna. Rahim Jantan pernah dinobatkan sebagai Bintang Asli RTM pada tahun 1974 dan 1980.

Rahim juga pernah menerima pingat Anugerah Seni Negara pada tahun 2006. Semoga usaha dan hasrat murni Rahim Jantan memperjuangkan irama Malaysia akan berjaya.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 05/04/08



Music student Fauziah Zuhaili (right) briefing Datuk Mohd Shafie Apdal (second from left), Unity, Culture, Arts and Heritage Deputy Minister Teng Boon Soon (left) and Aswara rector Datuk Omar Awang on Sabah traditional songs sung by Fauziah Gambus.

# Overseas stints proposed

**KUALA LUMPUR:** Local arts students may soon have the opportunity to participate in short arts-related courses overseas as part of a newly-proposed exchange programme.

According to Unity, Culture, Arts and Heritage Minister Datuk Shafie Apdal, local institutions such as the National Arts, Culture and Heritage Academy (Aswara) are being encouraged to collaborate with foreign arts schools for a cross-pollination of cultures.

"I think it is high time for the academy to conduct joint programmes with similar foreign institutes," he said yesterday during a visit to Aswara, where he was briefed on the institution's background.

Shafie said he had provided the academy with guidelines on the proposed idea and expressed his hope that such a programme could begin as early as this year.

"To date, there is no arrangement where the academy can send its students for short stints overseas, while opening up its own short courses to foreign students.

"Local students will benefit because they can learn about foreign arts and culture, while foreign students will be able to bring some of our culture back to their countries," he added.

Aswara is attended by 619 students.

Among the courses offered are theatre, traditional dance, music and creative writing.

On another issue, Shafie was asked about the Information Ministry's proposal that parliamentary sessions be telecast "live" on television.

"I fully support the move," he said. "MPs will be more polite and careful in their choice of words because everything will be 'live'.

"Also, when the public is able to view 'question time' for themselves, they will also be more informed of the government's development plans for the country.

"They can hear our debates and learn more about our efforts."

UTUSAN MELAYU
Tarikh: 12/05/2008

# اسوارا تربيت DVD ڤرسمبهن وايڠ كوليت

اكادمي سني بودايا دان واريثن كبڠساٴن (اسوارا) بوات ڤرتام كالي تله منربيتكن تيݢ DVD ڤرسمبهن وايڠ كوليت باݢي ممڤركنلكن كمبالي واريثن سيلم اين سوڤايا داڤت دواريثي ݢينراسي مودا.

تيݢ باهن علميه ترسبوت برتاجوق 'سيتي ديوي دچوليق' (DVD 3 - RM20) سلاما 8 جم. 'كوسي دان سراوي' (DVD 3 - RM22) سلاما 6 جم 30 مينيت دان 'ديويک' (DVD 3 - RM22) سلاما 8 جم يڠ دلنچركن اوليه ريكتور اسوارا، داتوٴ عمر اوڠ بارو٢ اين.

كوليكسي DVD وايڠ كوليت ايت بوليه دبلي دأسوارا سباݢاي باهن روجوعن اكاديميک ڤلاجر٢ اتاو ڤرسنديرين.

معلومت لنجوت مڠناٴي كوليكسي DVD ترسبوت بوليه مڠهوبوڠي اونيت كومونيكاسي دان ڤماسرن، اسوارا، 464، جالن تون اسماعيل، 50480 كوالا لمڤور اتاو تيليفون 03-26971777 اتاو فكس 03-26975513 اتاو لامن ويب: www.aswara.edu.my اتاو إي.ميل: info@aswara.edu.my

عمر بركات، كباڤقن ڤلاجر دان ڤنشرح اينستيتوسي ڤڠاجين تيڠݢي دري دالم دان لوار نݢارا داتڠ كأسوارا ممبوات روجوعن مڠناٴي وايڠ كوليت.

سهوبوڠن دڠن ڤلنچرن DVD اين، بلياو منچادڠكن ڤروݢرم سڤرتي اين داڤت دتربيتكن سمولا اوليه مان٢ ستيسين تيليۏيشن سوڤايا ݢينراسي مودا سدر اكن كوجودن كسنين ترادیسيونل اين.

ڤيهق ستيسين تيليۏيشن بوليه مڠمبيل اينيسياتيف منايڠكن چريتا برسيري وايڠ كوليت دوقتو 'ڤريم تاٴيمس' ستياڤ ستڠه جم سهاري سڤرتي دراما برسيري.

"ݢينراسي لاما يڠ ڤرنه كنل دڠن كسنين اين امت مريندوٴي اكن كسنين ترادیسيونل اين.

"دڠن چارا اين كيت داڤت مڠكومرسيالكن وايڠ كوليت دسمڤيڠ ممرتبتكن كسنينث،" جلسث كتيک براوچڤ دمجليس ڤلنچرن 3 البوم ترسبوت.

UTUSAN MELAYU
Tarikh: 12/05/2008 m/s 7

# انجوڠ بريڠين رواڠ بركاريا دأسوارا



انجوڠ بريڠين دأسوارا.

اوليه محمد صديق محمد صالح

ساتو لاڬي كمودهن باڬي كرياتيويتي سني دسدياكن اونتوق ڤلاجر٢ اكادمي سني بودايا دان واريثن كبڠساٴن (اسوارا) دان ڤارا ڤڠڬيات سني تانه ٴاير دڠن تربيناڽ انجوڠ بريڠين دكامڤوس سني ايت.

اي تله دراسميكن اوليه ريكتور اسوارا، داتوٴ عمر اوڠ بارو٢ اين سرنتق دڠن ڤلنچرن 3 بواه DVD ڤرسمبهن وايڠ كوليت اوليه ڤلاجر٢ اونيۏرسيتي سني ايت.

اسوارا برفوڠسي سباڬاي سبواه اينستيتوسي ڤڠاجين تيڠڬي يڠ دوجودكن اونتوق ميدياكن رواڠ ڤمبلاجرن، ڤليديقن دان ڤنربيتن اكاديميك سرتا خدمت نصيحة دالم سني بودايا دان واريثن.

اي جوك برفوڠسي سباڬاي بادن ڤمولیهارا دان ڤمليهارا سني ترادیسيونل يڠ برتونجڠ كڤد سني ترادیسيونل سرنتاو خصوصڽ مليسيا.

سهوبوڠن دڠن فوڠسي اين، ترچتوسله ايديا اونتوق منديريكن بڠسل وايڠ كوليت يڠ دبري نام انجوڠ بريڠين.

انجوڠ مروڤاكن رواڠ سنتاي بركونسيڤكن بڠسل اتاو وقف تمڤت بريحت دراوڠ تربوك. بريڠين دأمبيل دري نام ڤوهون بريڠين اتاو 'كونوڠن' دالم وايڠ كوليت يڠ مروڤاكن لامبڠ اسوارا.

دهولو كالا دكلنتن رواڠ سڤرتي ايت مروڤاكن رواڠ بركاريا باڬي توق دالڠ وايڠ كوليت دڠن مڠاداكن ڤرسمبهن سلاما برهاري-هاري لاماڽ باڬي مڠهيبوركن مشاركت ستمڤت.



ڤرسمبهن وايڠ كوليت 'كمارا يتيم' دانجوڠ بريڠين.

انجوڠ بريڠين ددیريكن ڤد اخير تاهون 2007 سباڬاي اوسها ڤنمبهن رواڠ بركاريا دأسوارا.

عمر بركات، ڤارا ڤلاجر دان ڤڠڬيات سني تانه ٴاير داڤت بركاريا سچارا لبيه دكت دڠن عالم كران انجوڠ بريڠين دبينا بردكتن هوتن.

كاتاڽ، دڠن اداڽ انجوڠ بريڠين، اسوارا داڤت ممڤرتاهنكن كأصلين اتاو اوتينتيك ڤرسمبهن وايڠ كوليت دالم اوسهاڽ ممرتبتكن كسنين ترادیسيونل اين سلاري دڠن موتون ملڠكه كهادڤن برسام ترادیسي.

سمڤنا ڤراسمين انجوڠ بريڠين تله دأداكن ڤرسمبهن وايڠ كوليت برتاجوق 'كمارا يتيم' يڠ ددالڠي چيق محمد ناصر يوسف دڠن دبنتو ڤلاجر٢ اسوارا سلاما ليم مالم برتوروت-توروت.

BERITA HARIAN
Tarikh: 22/05/08

# TEATER Vertigo

TEATER Eksperimen Vertigo karya dan arahan Namron akan diadakan di Black Box Aswara, pada 23 hingga 25 Mei ini, jam 8.30 malam dan 24 Mei ini, jam 3 petang serta tiket berharga RM 10 untuk dewasa dan RM 5 (kanak-kanak) manakala maklumat lanjut hubungi 03 - 2697 1777/ 5327/ 046 atau layari www.aswara.edu.my.

BERITA HARIAN
Tarikh: 24/05/08



# Bila hidup tanpa cahaya

ISU fungsi elektrik kepada manusia dijadikan sebagai landasan berbicara mengenai kepentingan sumber tenaga itu oleh pengarah, *Teater Malam Gelap Di Bukit Damansara*, Marlia Musa dan Mohd Nurul Hazirin Shamsul Kamal, ketika mengetengahkan naskhah Datuk Abdul Rahim Razali.

*Teater Malam Gelap Di Bukit Damansara* yang dipentaskan di Panggung Eksperimen, Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Kuala Lumpur, pada 17 hingga 18 Mei lalu, memercikkan gelagat manusia ketika ketiadaan kuasa elektrik.

Kisah keluarga Datuk Shukri lakonan Mazhar Mahathir bersama isterinya, Datin Maznah (Aznah Mohamed Ramli) disampaikan secara lucu sambil diselitkan dengan unsur kejutan dan konflik ringan dalam usaha kedua-dua pengarah ini menghidupkan semula teater Melayu melalui program drama sebabak.

Datuk Shukri hanya menyedari beliau tersilap mengambil beg di lapangan terbang sebaik tiba di rumahnya apabila dimaklumkan anak bongsunya, Sham lakonan Muhammad Asyraf Mustafa yang kebetulan tidak dapat mengesan nama dan alamat kediaman mereka pada tag tanda nama.

Anak sulung pasangan terbabit, Shida lakonan Marina Roslan yang fobia dengan kegelapan secara tidak sengaja terlanggar dua pasu antik milik ibunya ketika mendapatkan cahaya daripada lilin dan tindakan Sham mengandaikan kandungan beg terbabit mengandungi dadah menyebabkan seisi keluarga panik.

Datuk Shukri bimbang akan kemungkinan kebenaran andaian Sham yang berkemungkinan akan turut menyebabkan dirinya berkesudahan di tali gantung dan dalam masa sama, penonton membuat pelbagai andaian mengenai kesudahan kisah.

Pada malam kejadian, muncul dua orang pencuri cuba mengambil beg itu dari rumah Datuk Shukri kerana percaya ada benda berharga dalam beg terbabit serta situasi itu bagaikan bulan jatuh ke riba kerana akhirnya mereka sekeluarga berjaya memberkas kedua-dua pencuri dan Datuk Shukri mendapat begnya semula.

Teater yang diselitkan dengan unsur kejutan ini turut menyebabkan khalayak turut tidak kering gusi ekoran gelagat Datuk Shukri dan sahabatnya, Haji lakonan Mohamad Ikhsan Samat di samping mengagumi lakonan Mak Wan (Nik Norimani Mat Hassan.



DATUK Shukri lakonan Mazhar Mahathir bersama-sama ahli keluarga meraba-raba dalam kegelapan akibat bekalan elektrik terputus.

**Info**

**Malam Gelap di Bukit Damansara**
**Naskhah:** Datuk Abdul Rahim Mohd Razali
**Arahan bersama:** Marlia Musa dan Mohd Nurul Hazirin Shamsul Kamar
**Tempat:** Panggung Eksperimen Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Kuala Lumpur
**Tarikh:** 17 hingga 18 Mei
**Masa:** 8.30 malam



SHIDA lakonan Marina Roslan fobia dengan kegelapan mendapatkan cahaya lilin.

UTUSAN MELAYU
Tarikh: 26/05/08.

# ڤلاجر اسوارا دنيلاي منروسي 3 تياتر



تياتر 'دکامڤوڠ دکوتا' دڤڠڬوڠ ايکسڤيريمن اسوارا. - کامبر روي عزيس عبدال عزير.

ڤمنتسن تيک تياتر سچارا براسيڠن دڤڠڬوڠ ايکسڤيريمن، اکادمي سني بودايا دان واريثن کبڠسا ٴن (اسوارا) بارو٢ اين اداله اونتوق منيلاي کاوڤايا ٴن ڤلاجر.

تيک تياتر ترسبوت برتاجوق 'دکامڤوڠ دکوتا،' کاريا داتوء سيد الوي، 'ڤکاواي خلواة' کاريا کالا ديواتا دباوه بيمبيڠن احمد يتيم دان اڠکو نور زاليفه اڠکو عبدالرشيد.

'مالم کلڤ دبوکيت دامنسارا' کاريا داتوء رحيم رزالي ڤولا دباوه بيمبيڠن مرليا موسى.

والاوڤون ڤلاجر٢ تاهون 1 يڠ ترليبت، تتاڤي لاکونن مريک مڠهيبورکن ڤارا ڤنونتون کران منداڤت بيمبيڠن درڤد تناڬ ڤڠاجر برڤڠالمن.

باڬي ممنتڤکن لاکونن دان ڤمنتسن، ڤلاجر٢ تله دبريکن لاتيهن يڠ منچوکوڤي باڬي ممستيکن ڤنونجولن مريک تيدق مڠچيواکن.

سموا کاريا ترسبوت ڤرنه دڤنتسکن تتاڤي ڤمنتسنڠ تله منيمبولکن نوستلڬيا کڤد مريک يڠ ڤرنه منونتونڽ دهولو.

THE SUN
Tarikh: 12/06/08





(clockwise from far left) Among the performances to be held over the two days inlcude bharata natyam, tarian zapin and contemporary performanced choreographed by James Kan.

# Unleashing talents

## A TWO-DAY PROGRAMME WILL FEATURE THE CREATIVE TALENTS OF 14 GRADUATES OF THE NATIONAL ARTS, CULTURE AND HERITAGE ACADEMY

**THE** 2008 graduates of the National Arts, Culture and Heritage Academy (Aswara – Akademi Seni Budaya dan Warisan Malaysia) will be giving a two-day performance entitled *Unleash!*.

Aswara has invested three years of labour and a lot of money to develop, educate and provide exposure to these dancers and choreographers.

For this year, the Faculty of Dance will present 11 students majoring in performance and three in choreography in a special programme held over two days.

The performance on June 19 is called *Living Traditions* and features traditional dance repertoire including bharata natyam, Tibetan dance, terinai, ayak-ayak and ngajat Iban.

The following night, June 20 is called *New Directions* and features choreography by Steve Goh, Shafirul Azmi, James Kan and contemporary performances.

Aswara is committed to raising the profile of dance and improving the standards of choreography and overall professionalism. Its most recent success is Liu Yong Sean, a 2007 graduate, who is currently on a scholarship at the Korean National University of the Arts.

Aswara's head of department Joseph Gonzales, recent winner of the Cross Cultural Champion of the Arts Award at the 6th Boh Cameronian 2008 says: "The world of performing arts is a tough and my commitment is to provide each student with the tools – mentally, physically and emotionally – to compete with the best in the world."

Gonzales also extended his appreciation to lecturers Shyamala Narayanan, Marion D' Cruz, Hajijah Yaacob, Zhou Gui Xin, Wong Kit Yaw, Vatsala Sivadas, Anuar Abd Wahab and Umesh Shetty for their hard work in helping the students grow.



*Catch* Unleash! *at the Experimental Theatre, Aswara Campus, 464, Jalan Tun Ismail, KL at 8.30pm on June 19 and 20. Entrance is free. For details, call Jeffri (016-238 9179); James (012-345 8101) or Jessica at 012-434 1109.*

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 28/06/08

# Industri seni mampu jana pendapatan

KUALA LUMPUR 27 Jun – Industri seni sekiranya dibawa ke tahap global mampu memberikan pendapatan lumayan kepada golongan seniman sekali gus membantu menjana ekonomi negara.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Teng Boon Soon berkata, seni mempunyai pengertian luas yang pemuzik, pemain wayang kulit, penari, pelukis, penulis dan orang yang menghasilkan kraf tangan.

Menurut beliau, dengan membangunkan industri seni tanah air ke tahap global, ia dapat membantu para seniman untuk memasarkan hasil karya mereka dengan lebih luas.

"Ini akan membuka ruang lebih luas kepada golongan itu untuk berkarya dan mereka akan lebih gigih serta serius dalam menghasilkan produk seni.

"Malaysia sememangnya kaya dengan seni budaya dan warisannya. Peluang ini harus diambil untuk memastikannya terus dipulihara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Buku Pelajar-pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan (Aswara) di Auditorium Orkestra Aswara di sini hari ini.

Aswara adalah institusi pengajian tinggi khusus dalam bidang seni budaya dan warisan yang diwujudkan untuk menyediakan ruang pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan akademik serta khidmat nasihat profesional.

Aswara juga berperanan sebagai tempat melahirkan karyawan, seniman dan pengurus seni melalui program pendidikan formal dan sistematik yang berteraskan kesenian tradisional serta memupuk kreativiti secara inovasi.

Sementara itu, Boon Soon berkata, kerajaan memperuntukan RM90 juta kepada Aswara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) bagi mempertingkatkan kemudahan pembelajaran dan pendidikan seni budaya dan warisan.

"Kumpulan Wang Aswara juga ditubuhkan dengan dana RM15 juta untuk latihan, penyelidikan akademik bidang seni, budaya dan warisan," katanya.

Dalam pada itu, Boon Soon berkata, kerjasama antara sektor awam, swasta dan masyarakat dapat membantu meningkatkan industri seni tanah air ke peringkat global.

BERITA HARIAN
Tarikh: 17/09/2008

# Dia Fadila bergelar pensyarah

MULAI 15 September lalu, Cik Normah dengar, penyanyi Dia Fadila **(gambar)** sudah mula bekerja di Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan atau Aswara, sebagai pensyarah vokal. Wah gitu! Sebaik saja tamat pengajian di UiTM baru-baru ini, nampaknya rezeki Dia terus ada apabila dia diterima pula bekerja di institut seni yang makin dihormati itu.

Kini, Dia sudah punya kerjaya tetap yang lebih terjamin. Yalah, daripada duduk diam mengharapkan jualan album mencecah 50,000, yang sememangnya kini bagai mimpi, lebih baiklah penyanyi hari ini buat kerja yang lebih menjamin masa depan.

Jika undangan mengadakan persembahan datang setiap hari, kira OK juga. Macam mana pula dengan penyanyi yang 'show'nya sebulan sekali?

Berbalik kepada Dia, Cik Normah tabik hormat kepadanya sebab dia penyanyi muda yang berwawasan. Bukannya Dia tidak boleh menyanyi sepenuh masa lagi apabila bergelar pensyarah. Tentunya bila ada masa terluang, Dia boleh turun padang menunjukkan kemampuan, bukan? Rugi pula kalau vokal yang bagus macam Dia tidak lagi dapat didengar peminat. Takkan kami kena jadi pelajar Aswara pula, baru boleh dengar suara Dia?

Selain Dia, ada lagi beberapa artis yang bergelar guru vokal atau pensyarah berjaya seperti Juliza Adlizan dan Syafinaz. Mereka semua artis yang punya kelulusan dan tetap menyanyi apabila masa mengizinkan.

Kepada Dia, Cik Normah mengucapkan selamat maju jaya sebagai pensyarah. Nanti, kalau Cik Normah rasa macam seru untuk buat album nasyid dah sampai, tentu sekali Cik Normah cari Dia, ya?



THE STAR
Tarikh: 05/10/2008

# Dancing queen

NATIONAL Arts, Culture and Heritage Academy (Asawara) Diploma in Dance graduate Lee Wen Yan has won a scholarship that will allow her to pursue a BA in Choreography at Korea National University of Arts in Seoul, South Korea.

The scholarship, given by the Korean Government, covers the tuition fees for Wen Yan's four-year programme as well as a living allowance.

Wen Yan, 21, is no stranger to the dance scene.

She has appeared in many of the major Aswara productions, including *Tapestry, Jamu* and *Asyik*.

She also worked on international projects with choreographers like Gan Chih Pei and Umesh Shetty.

Besides performing at the Bangkok Fringe Festival, Malaysia Week in London, Sixth Asia Arts Festival and the Indonesia Arts Festival, Wen Yan recently choreographed *Mars and Venus* in collaboration with Joseph Gonzales and drummer Ahmad Aizad Mohd Fauzi, to rave reviews.

"I hope Wen Yan's success will inspire more young Malaysians to pursue their dreams," said Gonzales.

"Wen Yan is the second student from the department to win a scholarship this year, after James Kan Chee Wai who is now studying in Taiwan," he added.



Wen Yan has won a scholarship to pursue a degree in choreography in Korea.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 15/10/08

# Aswara grad to pursue BA in Korea

NATIONAL Arts, Culture and Heritage Academy (Aswara) graduate Lee Wen Yan is its latest recipient for an overseas scholarship.

The 21-year-old, who holds a diploma from Aswara, will pursue a four-year Bachelor of Arts in Choreography at the Korea National University of Arts in Seoul, South Korea.

The scholarship is fully paid for by the Art Major Award from the government of South Korea and is open to candidates from around Asia.

Lee will also receive a living allowance until she graduates.

She has appeared in major Aswara productions such as *Tapestry*, *Jamu* and *Asyik* and has worked with choreographers Gan Chih Pei, Umesh Shetty and Joseph Gonzales.

She has performed at the Bangkok Fringe Festival, Malaysia Week in London, sixth Asia Arts Festival and the Indonesia Arts Festival.

Most recently, Lee choreographed *Mars and Venus* in collaboration with Gonzales and Ahmad Aizad Mohd Fauzi.

She also performed in musicals *Kesuma and Tunku — The Musical.*

**— By Dennis Chua**



**Lee will pursue a Bachelor of Arts in Choreography at the Korea National University of Arts in Seoul, South Korea.**

## Piano performance cancelled

THE performance by pianist Lang Lang on Jan 13 next year has been cancelled due to unforeseen circumstances. For ticket refunds, call 03-2051-7007.

THE STAR
Tarikh: 23/10/08

# Rock band Lefthanded's guitarist Abdul Samad Mian dies

KUALA LUMPUR: A guitarist with rock band Lefthanded, Abdul Samad Mian, died after collapsing at his brother's office in Ampang here, on Thursday. He was 45.

Samad's wife, Norliza Sumairi said he collapsed at 12.45pm and was pronounced dead on arrival at the Ampang Hospital.

Samad will be buried at the Hulu Langat Muslim Cemetery later on Thursday.

He is survived by his wife and four children aged between six and 18 years.

Born in Johor Baru, he was a part-time lecturer at the National Arts, Culture and Heritage Academy and was instrumental in Lefthanded winning the best rock album award at the Malaysian Music Industry Awards in 1995. Bernama

BERITA HARIAN
Tarikh: 24/10/08




SUMARI dan Alis di Hospital Ampang, semalam.



Abdul Samad Mian

# Samad Lefthanded meninggal

KUALA LUMPUR: Pemain gitar kumpulan rock terkenal Lefthanded, Abdul Samad Mian atau Samad, 45, meninggal dunia selepas terjatuh di pejabatnya di Ampang, di sini, tengah hari semalam.

Isteri Allahyarham, Norliza Sumari, 41, ketika dihubungi berkata, arwah pengsan ketika di pejabatnya jam 12 tengah hari lalu diberi bantuan pernafasan oleh anak sulung mereka, Alif Ashraf Shafiq, 18.

"Arwah sekali lagi tidak sedarkan diri lalu dikejarkan ke Hospital Ampang, tetapi meninggal dunia ketika dalam perjalanan. Samad disahkan meninggal dunia oleh doktor pada jam 1.05 tengah hari.

"Pemergiannya mengejutkan kami kerana arwah tidak menghidap sebarang penyakit," kata Norliza.

Selain Alif Ashraf, Samad yang dilahirkan di Johor Bahru, Johor pada 26 September 1963 turut meninggalkan tiga cahaya mata iaitu Ahmad Ayunda Syakim, 17; Alis Suhayana, 15; dan Ahmad Syafri, 6.

Arwah menceburi bidang seni bersama Lefthanded pada usia 20 tahun dan menghasilkan album seperti *Keadilan* (1986), *Seruan* (1987), *Qabul* (1988), *Evolusi* (1989), *Fanatisme & Ramli Sarip* (1990) dan *Nafas* (1996).

Arwah turut menerbitkan album *Syurga* dan *Neraka* untuk kumpulan itu.

Bagaimanapun, selepas Lefthanded tidak lagi aktif, arwah meneruskan kerjaya solo dan menghasilkan beberapa album termasuk terbaru, *Guitar Jamming* yang dipasarkan Jun lalu. Album Samad pernah memenangi kategori Album Solo Rock Terbaik pada Anugerah Industri Muzik 1995.

KOSMO
Tarikh: 24/10/2008



# Samad Lefthanded meninggal dunia

KUALA LUMPUR – Gitaris utama Lefthanded, Abdul Samad Mian (**gambar**) meninggal dunia akibat sesak nafas semalam.

Samad, 45, menghembuskan nafas terakhir ketika dikejarkan ke Hospital Ampang selepas terjatuh dari tangga.

Isteri Allahyarham, Norliza Sumairi, 41, menjelaskan, Samad dibawa oleh anaknya, Alif Ashraf Shafiq, 18, ke hospital selepas menerima panggilan telefon mengatakan arwah sesak nafas pada pukul 12.45 tengah hari, semalam.

"Selepas kejadian, Allahyarham sempat menghubungi saya dan mengadu sesak nafas akibat terjatuh di pejabat abangnya, Rahmat yang terletak di Taman Cahaya, Ampang," kata Norliza ketika dihubungi.

Menurut Norliza, selama ini Samad tidak pernah dimaklumkan menghidap sebarang penyakit kronik melainkan sakit dada.

"Saya terkejut juga pada 5.30 pagi tadi arwah ada mengadu kepada saya mengatakan dadanya sakit tetapi selepas itu dia kembali okey. Saya tidak sangka itu merupakan aduan dan rintihan terakhir," ujarnya dalam nada sebak.

Selain Alif, Samad yang berasal dari Kampung Majidi, Johor Bahru mempunyai tiga orang lagi cahaya mata iaitu Amad Ayunda Syaqim, 17, Alis Suhayana, 14, dan Amad Syafri, 6.

Sejak tidak bersama Lefthanded beberapa tahun lalu, Allahyarham menjadi gitaris solo dan bekerja sebagai pensyarah muzik di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

Pencapaian terbaik yang pernah diraihnya adalah merangkul anugerah Album Rock Terbaik pada Anugerah Industri Muzik Malaysia pada 1995.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Hulu Langat, selepas solat Asar.

Kosmo 24/10/08

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 24/10/08

# Samad Lefthanded meninggal dunia

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Pemain gitar kumpulan rock Lefthanded, Abdul Samad Mian meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Hospital Ampang untuk mendapatkan rawatan selepas terjatuh di pejabat abangnya di Taman Cahaya, Ampang di sini hari ini.

Menurut isteri Allahyarham, Norliza Sumairi, 41, suaminya dikejarkan oleh anak sulung mereka, Alif Ashraf Shafiq, 18, ke hospital selepas menerima panggilan telefon mengatakan Samad mengalami sesak nafas.

"Alif telah membawa suami saya itu ke hospital pada pukul 12.45 tengah hari tadi tetapi belum pun sempat sampai di hospital, dia telah meninggal dunia.

"Sebelum itu, kami menerima panggilan telefon mengatakan dia mengadu sesak nafas dan terjatuh di pejabat abangnya, Rahmat," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Norliza menjelaskan, suaminya tidak menghidap sebarang penyakit kronik tetapi sebelum ini Allahyarham pernah mengadu sakit dada tetapi tidak serius.

"Saya terkejut juga pada pukul 5.30 pagi tadi arwah ada mengadu kepada saya mengatakan dadanya sakit tetapi selepas itu okey," katanya.

Selain Alif Ashraf Shafiq, Samad yang berasal dari Kampung Majidi, Johor Bahru meninggalkan tiga lagi anak iaitu Amad Ayunda Syaqim, 17, Alis Suhayana, 14, dan Amad Syafri, 6.

Sejak keluar daripada Lefthanded beberapa tahun lalu, Allahyarham bergerak sebagai pemain gitar solo dan bekerja sebagai pensyarah muzik di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

Allahyarham yang aktif bermain gitar sejak 25 tahun lalu menerbitkan album terakhirnya berjudul *Guitar Jamming - Samad Lefthanded* terbitan Hui Hvang Entertainment Sdn. Bhd. pada 12 Mei lalu.

Beliau pernah meraih anugerah Album Rock Terbaik pada *Anugerah Industri Muzik Malaysia* pada 1995.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Hulu Langat, Selangor selepas solat Asar hari ini.

THE SUNDAY TIMES
Tarikh: 26/10/2008

# Huminodun's Sacrifice

*Why do we have the Kaamatan Festival in Sabah?*



Princess Huminodun is the reason and Aswara, the National Arts, Culture and Heritage Academy, will be showcasing the legend in a dance drama. See Huminodun's Sacrifice by Aref Omar with a video clip on the NST website.

***Follow this link:***

*http://www.nst.com.my/Current_News/SundayPeople/article/MusicDance/20081022163443/Article/index_html*

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 09/11/08

# Sentuhan Terakhir Samad Lefthanded vol 2

Pada 23 Oktober lalu, pada usia mencecah 45 tahun Abd Samad Mian atau lebih Samad Lefthanded telah menghembuskan nafas terakhir.

Album Guitar Jamming terbitan dan edaran syarikat rakaman FMC merupakan projek solo pertama allahyarham setelah lama tidak bersama Lefthanded. Pengalaman selama 25 tahun dalam arena muzik tanah air dikongsi dan dicurahkan melalui album ini. Guitar Jamming merupakan album berkonsepkan pendidikan, mengajar kemahiran dan teknik bermain gitar dengan betul.

Ternyata usaha allahyarham tidak sia- sia. Album sulung mendapat sambutan hangat terutama daripada golongan peminat generasi muda yang gemar bermain gitar. Memandangkan album pertama yang diusahakan mendapat perhatian dan sokongan, Samad dan pihak FMC meneruskan usaha untuk menerbitkan album seterusnya bagi memenuhi permintaan.

Album Guitar Jamming - Sentuhan Terakhir Samad Lefthanded Vol 2 dan Vol 3 telah siap pada Ogos lalu. Album Vol 1 dan 2 ini masih mengekalkan konsep pembelajaran.

Peminat yang mendapatkan album ini boleh berkaraoke dengan petikan gitar bersama Samad dan seolah - olah mereka berada di dalam sebuah kelas.

Tujuan utama menghasilkan album ini adalah untuk mendidik dan melahirkan lebih ramai lagi peminat dan pemain gitar yang bagus pada masa akan datang.

Album Sentuhan Terakhir Samad Lefthanded ini eksklusif dan hanya dijual dalam edisi yang terhad. Album Vol 1 akan berada di pasaran mulai 10 November ini dan Vol 2 akan mula berada di pasaran 1 Disember dengan harga RM 29.90 sahaja.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 27 NOV 2008

# RM15m fund for inspirational films

KUALA LUMPUR: The government has approved the setting up of a RM15 million fund to make films of national interests.

Unity, Culture, Arts and Heritage Minister Datuk Seri Shafie Apdal announced this at the launch of the three-day Kuala Lumpur International Film Festival at the National Handicraft Complex in Jalan Conlay here yesterday.

Shafie said the fund would support the making of films with historical, cultural and heritage themes.

"This will contribute to national unity and celebrate the stories of human courage and endeavour."

Meanwhile, *Wayang*, a touching and inspiring story of a wayang kulit exponent who mentors a blind orphan in the fast-disappearing art form, is Malaysia's representative at the festival.

The film, directed by Dr Hatta Azad Khan of sitcom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* fame, and which stars Eman Manan and Zul Huzaimy Marzuki, is one of 22 films from 15 countries competing in the festival held at the Putra World Trade Centre here on Saturday.

The other films include *The Last Lullaby* (United States), *A Casa De Alice* (Brazil), *Hamoon Va Darya* (Iran) and *Fugitive* Pieces (Canada). Sixteen awards are up for grabs in the festival.

Besides the RM20,000 top award for Best Film, there are also the Best Asian, North American, South American, African and European Film categories, each worth RM5,000.

The Best Director, Actor, Actress, Cinematography, Sound System, Screenplay and Musical Score categories are worth RM3,000 each.

The festival's director, Wafa Abdul Kadir, said it was the first time it was rewarding all categories with cash prizes.

Previously, only the top prize carried a cash reward.

"It is our incentive to filmmakers, locally and internationally, to produce quality films with universal appeal."

Wafa said the organising committee received 191 entries from Malaysian filmmakers. The festival's theme is Celebrating Cultural Diversity.

The winners of the Best Documentary, Best Animated Film and Best Short Film were announced in the festival launch. They were *Under the Ice*, *Memory Loss*, and *G16G17*, from Canada, Taiwan and Malaysia, respectively.

The main awards ceremony will see performances by Datuk Siti Nurhaliza Taruddin, Yusry Abdul Halim, Ning Baizura, Suki Low, Zahid Baharuddin and Dafi Ismail Sabri, as well as India's Mallika Sherawat and Indonesia's Melly Goeslow.




**Datuk Seri Shafie Apdal (second from right) admiring the award that Malaysia director Saw Tion Guan (left) won for the Best Short Film category for 'G16G17' yesterday. Leng Tzu Jien (second from left) and Bjorn Jensen (right) took the awards on behalf of the winners of the Best Animated Film titled 'Memory Loss' and the Best Documentary, 'Under the Ice'.**

Aswara

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 11/01/08

Jumaat 11/1/08



# ...k underground ...entari terbaik



BANGGA: Mohd Zulkarnain dengan dua trofi dimenanginya.

...irinya sebagai Pengarah Terbaik bagi kategori ...ilem/Video Dokumen-...ari.

"Dokumentari ini membawakan satu ...etafora kepada kaum-kaum di Sara-...wak yang bersatu menerusi muzik. Saya juga ...urut menjelaskan muzik *underground* itu ...ipandang negatif bukan kerana muziknya ...etapi disebabkan sikap peminatnya yang ...erlalu obses atau fanatik sehingga sanggup ...elakukan perkara yang pelik dan luar biasa ...ehingga tidak disenangi masyarakat," katanya.

Zulkarnain berkata, sekiranya ada peluang, dia berminat untuk mengarahkan filem yang ringkas, tetapi pelik dan menarik "Ceritanya mudah, tetapi struktur atau penceritaannya agak pelik dan menarik," katanya.

Bagi Amir Sallehuddin Ithnin pula, dia memang tidak menjangka filem pendek cereka arahannya *Batthosai* dipilih sebagai Filem Pendek Cereka Terbaik kerana ia diadaptasi daripada komik popular dari Jepun, Samurai X.

"Sebenarnya tempoh masa *Batthosai* agak panjang iaitu sekitar 25 minit. Filem pendek ini menggunakan tujuh pelakon, semuanya adalah pelajar Aswara daripada pelbagai jurusan. Saya terpaksa mencari kawan yang boleh menterjemahkan bahasa Jepun ke bahasa Melayu terlebih dulu sebelum dapat mengolah cerita filem ini," katanya yang kini bertugas di Bahagian Produksi Finas, selepas menamatkan pengajiannya di Aswara.

Barisan juri FFVPM2007 peringkat akhir diketuai oleh U-Wei Shaari, Profesor Dr Naim Ahmad, Profesor Madya Dr Asiah Sarji, Maidin Borham atau lebih dikenali sebagai Deddy M Borhan dan Ali Ngasio dari RTM Sabah.

Malam anugerah FFVPM2007 turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Ahmad Shah Abdullah. Hadir sama ialah Pengerusi Finas, Tan Sri Jins Shamsudin yang mewakili Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Ketua Pengarah Finas, Mohd Mahyidin Mustakim.

## Pemenang FFVPM5

- **Pengarah Terbaik - Filem Video/ Dokumentari:** Mohd Zulkarnain Azhar (UMS)
- **Pengarah Terbaik - Filem Pendek Cereka:** Amir Sallehuddin Itnin
- **Anugerah Iklan/Promo Terbaik:** Street Boarding (Kolej Yayasan Melaka)
- **Anugerah Video Muzik Terbaik:** Faith - 7 Collar Shirt (MMU)
- **Anugerah Video Animasi Terbaik:** Death of Gorvenor (MMU)
- **Anugerah Video Eksperimental Terbaik:** E-Art (Unimas)
- **Anugerah Video Dokumentari Terbaik (Pembangunan Alam Sekitar):** Sabah Tea (UMS)
- **Anugerah Dokumentari Terbaik (Sukan & Hiburan):** Sarawak Sik Chuak (Unimas)
- **Anugerah Video Dokumentari Terbaik (Isu-isu Semasa):** Ada Apa Bawah Tanah? (Unimas)
- **Anugerah Video Dokumentari Terbaik**

BERITA HARIAN
Tarikh: 5/2/2008

# Peserta Sayembara 50 Tahu
# Merdeka persoal keputusan

*Tindakan panel hakim tidak memilih beberapa pemenang kategori tertentu seperti diperuntukkan mengecewakan pe*

Oleh Nazmi Yaakub

SAYEMBARA Mengarang Sempena 50 Tahun Merdeka terasa hambar apabila banyak kekosongan dalam senarai pemenang lewat keputusan yang diumumkan pada majlis penyampaian hadiah di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Daripada nilai hadiah keseluruhan RM259,000 yang ditawarkan, hampir separuh daripada jumlah itu tidak dimenangi, iaitu RM108,500, sekali gus menyebabkan 37 pemenang terpaksa berkongsi hadiah RM150,500 saja.

Ia jauh berbeza daripada keputusan Hadiah Sayembara Mengarang Jubli Emas DBP tahun lalu yang menyaksikan hadiah keseluruhannya RM424,000 dikongsi 49 pemenang dengan Mohd Faizal Musa atau lebih dikenali sebagai Faisal Tehrani, membolot hadiah bernilai RM74,000.

Paling terkesan apabila tempat pertama dengan hadiah RM40,000 dan kedua (RM30,000) bagi kategori novel Sayembara Mengarang Sempena 50 Tahun Merdeka, tidak diraih kerana gagal menambat hati panel hakim yang diketuai Datuk Dr Anwar Ridhwan dan dianggotai Hamzah Hamdani, Dr Wong Soak Koon, Mohamad Saleeh Rahamad dan Zalila Sharif.

Keputusan mengejutkan itu menyebabkan novel, *Salarom* karya pengarang dari Sabah, Imin@Emin Madi hanya layak mendapat tempat ketiga dan membawa pulang RM20,000.

Malah, tujuh hadiah sagu hati RM10,000 setiap satu dalam kategori itu, dimenangi lima pemenang saja, iaitu Amaruszati Noor Rahim melalui *Episod Cinta di Tanah Hijrah*; Abdul Rahman Che Mat (*Igau*); Aminah Mokhtar (*Merdekakan Cinta*); Mohd Saad Omar (*Rahsia Malam Merdeka: Dendam 500 Tahun*) dan Ramlah Abdul Rashid (*Usang*).

Kategori skrip drama pentas menjadi durian runtuh kepada Ismail Kassan apabila muncul johan melalui *Bukan Dejavu* dan naib johan (*Kembang Cempaka Sari*) masing-masing RM15,000 dan RM7,500, tidak terkecuali daripada diselubungi kehambaran.

Ini kerana kategori itu menawarkan hadiah berkembar atau dua hadiah untuk tempat kedua dan ketiga, tetapi panel penilai yang diketuai Dr Hatta Azad Khan memilih seorang pemenang saja setiap satu, iaitu Ismail dan Siti Jasmina Ibrahim lewat *Melintas 31* dengan hadiah RM5,000.

Hadiah sagu hati untuk kategori skrip drama pentas turut menerima nasib seperti kategori novel apabila lima pemenang daripada tujuh hadiah sagu hati sebanyak RM3,000 saja diumumkan, iaitu Othman Zainuddin, Abdul Rahim Sabri, Mohd Saad Omar, Nor Najwa Azmee dan Jaafar @ Mustafa Hassan.

Bagi kategori cerpen dan puisi, panel penilai kategori yang masing-masing diketuai Prof Dr Mokhtar Abu Hassan dan Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), nampaknya tidak bermasalah untuk mencari pemenang daripada kalangan 147 cerpen serta 196 puisi yang diterima penganjur.

Rohaidah Yon muncul johan kategori cerpen dengan hadiah RM3,500, naib johan (RM2,500) diraih Prof Emeritus Datuk Dr Shahnon Ahmad dan Aminah, manakala tempat ketiga dengan hadiah RM1,500 (Abdul Rahman dan Mahizan Husain).

Kategori puisi dimenangi Jamaludin Darus dengan hadiah RM2,500, Rosnani Hasan dan Moh Azam Rezali meraih naib johan (RM2,000), manakala Sha'ari Awang Besar dan Ghazali Lateh, muncul pemenang tempat ketiga (RM1,000).

Memang ada suara tidak puas hati terhadap tindakan mengosongkan banyak hadiah untuk kategori novel dan drama kerana peserta berpandangan panel penilai sepatutnya memilih pemenang berdasarkan 46 manuskrip novel dan 22 manuskrip skrip drama pentas, tanpa dipengaruhi kayu ukur sayembara lain.

Ada juga yang mempertikaikan keperluan menggunakan tanda aras sayembara lain kerana beranggapan setiap zaman mempunyai ciri dan konsep tersendiri serta tema tertentu yang perlu dipenuhi peserta.

Malah, mereka juga menganggap tanda aras yang digunakan panel penilai tidak dinyatakan dalam syarat dan tema sayembara berkenaan, sekali gus menyebabkan panel tidak sewajarnya menggunakan alasan berkenaan.

Apatah lagi tanda aras yang didakwa panel itu bersifat subjektif dan berdasarkan tanggapan panel sehingga menyukarkan peserta menghasilkan karya berlandaskan tanggapan subjektif mereka.

Ini berbeza dengan pengiktirafan seperti Anugerah Sastera Negara (ASN) yang memerlukan calon menepati kriteria yang ditentukan, sedangkan kemenangan dalam pertandingan dan sayembara sewajarnya berdasarkan karya terbaik dalam penyertaan.

Bagaimanapun, Anwar mempertahankan tindakan ahli panel kerana beranggapan kelemahan ketara pada penyertaan sayembara itu berpunca daripada kegagalan peserta mengungkap tema kenegaraan, tatanegara dan rakyat pelbagai kaum, selain isu membabitkan masyarakat majmuk serta hubungan integrasi nasional.

"Kebanyakan karya hanya mengambil ruang lebih kecil seperti yang diperlihatkan lewat *Salarom* dengan latar Salarom saja dan kumpulan etnik yang agak marginal serta mengungkapkan persoalan lokal, bukannya isu nasional secara khusus

Kami turut melihat ada kelemahan ketara dari sudut pengolahan dan kekuatan struktural untuk mendukung tema sayembara ini," katanya pada *Sastera*, selepas Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Mengarang Sempena 50 Tahun Merdeka dan Pelancaran Buku Pemenang Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas DBP.

Dr Anwar menjelaskan, perbandingan dibuat dengan mutu novel yang memenangi Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas DBP pada tahun lalu, turut mendapati muatan ilmu dalam Sayembara Mengarang Sempena 50 Tahun Merdeka tidak kuat.

"Peserta kategori novel umpamanya mungkin kurang melakukan kajian ilmu, sehingga kita merasakan pengolahan dan persoalan dalam karya mereka berada pada permukaan. Ini mungkin disebabkan faktor kesuntukan masa apabila peserta diberi tempoh enam bulan kerana pada pengalaman saya, ia tidak mencukupi untuk menghasilkan novel besar kecuali kita sudah mula menulis sebelum itu," katanya.

Panel penilai, turut membuat perbandingan sayembara itu dengan mutu karya yang memenangi Sayembara Mengarang Sempena 10 Tahun Merdeka pada 1967 yang dimenangi SN, (Dr) Muhammad Abdul Biang atau Arena Wati lewat *Sandera*; Aziz Jahpin (*Pulanglah Perantau*) dan SN, Datuk Abdullah Hussein (*Interlok*).

Mengenai nama besar yang menyertai sayembara itu, Dr Anwar mengakui tidak ramai pengarang besar yang menghantar manuskrip, sebaliknya dimonopoli pengarang baru dan muda, selain mereka yang sudah lama mengarang, tetapi tidak berada dalam arus perdana.

Terdahulu daripada itu, Dr Anwar dalam laporan panel penilai, berkata drama *Bukan Dejavu* layak memenangi tempat pertama kerana diolah dengan bahasa yang ringkas, padat dan menarik walaupun persoalannya berat seperti sikap manusia rakus yang tidak mahu terbabit dalam masalah orang lain.

"Ia mendapat kupasan yang terkawal dan dibalut dengan perwatakan lurus sehingga boleh menimbulkan kelucuan bersahaja, manakala drama *Kembang Cempaka Sari* pula berdiri kukuh dan meyakinkan, selain turut diperkaya dengan pendekatan sandiwara serta bangsawan.

"Meskipun drama *Melintas 31* yang menyusur galur perjuangan tiga generasi ini, agak didaktik, ia tetap menarik kerana gaya penceritaannya mengadun kejadian silam dan masa kini, sekali gus menjadi anyaman naratif yang mengesankan," katanya.

Hadiah disampaikan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pada majlis yang turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Johan Jaaffar dan Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Firdaus Abdullah.



SALIM SHAARI| BERITA HARIAN

**GEMBIRA:** Ismail menerima dua hadiah kemenangan bagi Kategori Skrip Drama Pentas daripada Syed Hamid sambil diperhatikan Dr Firdaus.

**FAKTA NOMBOR**

Nilai hadiah

**RM259,000**
Hadiah keseluruhan

**RM150,000**
Hadiah dimenangi

**108,500**
Hadiah tidak dimenangi

**INFO**

**Sayembara**
**50 Tahun M**

**Kategori Nov**
**Johan**
RM40,000
Tiada pemena

**Naib johan**
RM30,000
Tiada pemena

**Ketiga**
RM20,000
Imin@Emin M

**Kategori Skri**
Johan
RM15,000
Ismail Kassan

**Naib johan 1**
RM7,500
Ismail Kassan

**Naib johan 2**
RM7,500
Tiada pemena

**Ketiga 1**
RM5,000
Siti Jasmina Ib

**Ketiga 2**
RM5,000
Tiada pemena

**Kategori Cer**
**Johan**
RM3,500
Rohaidah Yon

**Naib johan 1**
RM2,500
Prof Emeritus
Ahmad

**Naib johan 2**
RM2,500
Aminah Mokh

**Ketiga 1**
RM1,500
Abdul Rahma

**Ketiga 2**
RM1,500
Mahizan Hus

**Kategori Pui**
**Johan**
RM2,500
Jamaludin Da

**Naib johan 1**
RM2,000
Rosnani Hass

**Naib johan 2**
RM2,000
Moh Azam R

**Ketiga 1**
RM1,500
Sha'ari Awan

**Ketiga 2**
RM1,500
Ghazali Lateh

UTUSAN MELAYU
Tarikh: 11/2/2008

Budaya Kita

# اسوارا متراي كرجاسام دڠن LKS

اكادمي سني بودايا دان واريثن كبڠسا ءن (اسوارا) تله موجودكن كرجاسام دڠن لمباݢ كبودايا ءن سابه (LKS) اونتوق ڤمباڠونن اكاديميک، ڤڤليديقن دان ڤركمبڠن بودايا باݢي ممبينا مودل انسان يڠ چمرلڠ باݢي انق نݢري ايت.

ڤرجنجين كرجاسام ايت تله دمتراي دالم مجليس ريڠكس سمڤنا كرنيۏل بودايا سابه يڠ برلڠسوڠ سلاما دوا هاري دڤادڠ مرديک، كوتا كينابالو بارو٢ اين.

اسوارا دكتواءي ڤڠروسي لمباݢ ڤڠارهڽ، داتوء ڤروفيسور دوكتور محمد غوس ناصرالدين ماناكالا LKS دكتواءي ڤڠروسيڽ، داتوء ويلفيد ماديوس تاڠاو.

اي دسقسيكن اوليه تيمبلن منتري كبودايا ءن، كسنين دان واريثن مليسيا (KEKKWA)، داتوء ووڠ كم هوڠ يڠ مواكيلي منتريڽ، داتوء سري دوكتور راءيس يتيم ماناكالا منتري ڤلنچوڠن، كبودايا ءن دان عالم سكيتر سابه، داتوء مسيدي منجون مواكيلي كتوا منتري سابه، داتوء موسى امان.

دالم اوچڤن مڠالو-الوكن ڤرجنجين ايت ووڠ كم هوڠ بركات، ايليمن كسنين نݢري سابه اكن دمواتكن دالم كوريكولوم ڤڠاجين دأسوارا.

"ساي دمعلومكن سچارا راسمي ترداڤت لبيه 30 ايتنيک دسابه، تاڤي دالم كاجين تربارو كاتاڽ، اي بوليه ممبنتو دالم ڤمباڠونن دان ڤموليهن كسنين دان كبودايا ءن دنݢري سابه.

"كامي برهارڤ دڠن جاريڠن كرجاسام اين داڤت ممبنتو دالم ڤڤليديقن دان ڤنربيتن ترهادڤ ايتنيک٢ يڠ ترداڤت دسابه يڠ دأڠݢركن لبيه 260 ايتنيک،" اوجرڽ.

بلياو جوݢ برهارڤ ڤرتوكرن كاكيتاڠن دان ڤݢاواي LKS كأسوارا منروسي كورسوس٢ ڤينديق داڤت دأداكن باݢي ڤنمبهن علمو كسنين دان كبودايا ءن.

سلاءين ايت، داڤت ممبري رواڠ كڤد رعية سابه تراوتاماڽ ڤارا بليا مڠيكوتي ڤنديديقن سچارا فورمل دالم بيدڠ سني دان بودايا دأينستيتوت ڤڠاجين تيڠݢي ايت.

محمد غوس ناصرالدين ڤولا بركات، جاريڠن كرجاسام اين ممبري ڤولڠن كڤد كدوا-دوا ڤيهق دالم ڤمباڠونن مودل انسان خصوصڽ ايندوستري كرياتيف.

"خزانه دان بودايا دسابه داڤت دڤليهارا ملالوءي ڤڤليديقن دان ڤنربيتن يڠ باكل دلقساناكن،" كاتاڽ.

سلاءين ايت، ڤروسيس بيمبيڠن سني يڠ دأداكن كدوا-دوا ڤيهق بوليه مڤومبڠ كڤد ڤنمبهن علمو كڤد ڤلاجر٢ اسوارا دان بليا٢ سابه.

ڤد كرنيۏل نݢري سابه ايت سباڽق 19 كومڤولن ايتنيک تله مڠمبيل بهاݢين ترديري باجاو ڤنتاي تيمور دان ڤنتاي بارت، بروني، ايدهن، تيدوڠ، اورڠ سوڠاي، بيسايا، سيک، كادازن ڤنمڤڠ، كادازن ڤاڤر، تاتانا، دوسون تيندل، روڠوس، دوسون راناو، لوتود،



UTUSAN MELAYU
Tarikh: 11/2/2008

# ايرناويتا ڤناري اتس كاچ



سلاما 10 تاهون، ايرناويتا عثمان مناري اتس كاچ دان تارينڽ منجادي داي تاريقن كومڤولن كستاران دري بوكيت تيڠڬي، سومترا بارت سماس مڠاداكن ڤرسمبهن دڤڠڬوڠ ايكسڤيريمن، اكادمي سني بودايا دان واريثن كبڠسا‌ٴن (اسوارا) بارو٢ اين.

كبوليهنڽ مناري اتس لوڠڬوقن سرڤيهن كاچ تنڤا مڠڬوناكن كاسوت بوكن سهاج ممڤسونا تتاڤي منچمسكن ڤنونتون كران خواطير ايبو تيڬ اورڠ انق ايت اكن لوك دكدوا-دوا تاڤق كاكيڽ.

تتاڤي، ايرناويتا اتاو لبيه دكنلي ڤڠڬيلن 'ويت' تيدق منونجوقكن سبارڠ كساكيتن سلڤس سلساي مناري تارين ليلين دأخير ڤرسمبهن لبيه سجم كومڤولن سراماي 10 اورڠ ايت.

"ساي تيدق مڠڬوناكن اڤ٢ علمو، سباليقڽ ساي برتوكل كڤد توهن دان سبلوم ڤرسمبهن ساي بردعاء سوڤايا كاكي ساي تيدق لوك سماس مناري دأتس سرڤيهن كاچ.

"تارين اين مروڤاكن تارين ترادیسيونل مشاركت مينڠكاباو ڤنيڠڬلن نينيق مويڠ كامي دان اي مڠڬامبركن سماڠت دان كتڠكسن مشاركت مينڠكاباو،" جلسڽ كتيك دتمو‌ٴي سلڤس ڤرسمبهن تارين ڤيريڠ دان ليلين.

ويت يڠ جوݢ ڤنشرح سكوله منڠه تيڠڬي سني ڤادڠ ڤنجڠ، سومترا بارت، ايندونيسيا برسام كومڤولن ايت اتس جمڤوتن كمنترين كبودايا‌ٴن، كسنين دان واريثن (KEKKWA).



مريک براد دمليسيا سلاما ليم هاري سمڤنا ڤراسمين موزيوم عادة دجلبو، نڬري سمبيلن بارو٢ اين.

كومڤولن ترسبوت يڠ دتوبوهكن ڤد

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20.2.2008

# Nasib teater Melayu

**ANJAKANSENI**

Bersama ABD. AZIZ ITAR
from_arash@yahoo.com

**TEATER** salah satu seni persembahan pentas yang popular pada tahun 1980-an apabila ia banyak dipentaskan oleh kumpulan-kumpulan atau sanggar-sanggar teater sama ada di pentas-pentas umum mahupun di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Panggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan salah satu tempat yang menjadi tumpuan ramai aktivis teater terutamanya di sekitar ibu negara bagi mementaskan karya-karya nukilan mereka.

Fenomena yang sama turut berlaku di seluruh negara pada masa itu apabila boleh dikatakan hampir setiap negeri mempunyai para penggiatnya yang tersendiri terutamanya di kalangan pencinta teater Melayu.

Para peminat juga memberi sambutan yang menggalakkan kerana ketika itu teater dilihat begitu dekat di hati masyarakat yang meminati seni sastera dan budaya, selain peranannya sebagai satu alternatif bagi mendapatkan sumber hiburan.

Bagaimanapun selepas 20 tahun melalui zaman kemuncaknya, seni pementasan teater tempatan kini dilihat semakin suram di mana banyak sanggar teater terutamanya yang berskala kecil ibarat 'hidup segan mati tidak mahu' terutamanya teater Melayu yang kononnya dikatakan kurang mendapat sambutan penonton.

Paling menyedihkan apabila ada yang secara sinis mengaitkan teater Melayu sebagai 'tidak ada kelas' berbanding teater Inggeris yang mana persepsi dan prasangka seperti itu sepatutnya sudah lama dikikis daripada benak para pencinta seni tanah air.

Hakikat itu misalnya, dapat dilihat apabila banyak sanggar teater tempatan yang seakan-akan terpaksa 'mengemis' bagi mendapatkan sokongan dan tajaan daripada pihak penaja.

Kalau ada pun pementasan teater yang diketahui ramai dan berskala besar, ia lebih banyak tertumpu di tempat-tempat seperti Panggung Sari, Istana Budaya (IB), Kuala Lumpur.

Kebanyakan pementasan teater di IB bukan sahaja berskala besar dan diterbitkan oleh syarikat-syarikat gergasi, tetapi ia juga lebih mudah untuk menarik tajaan pihak penaja.

Tetapi bagaimana pula halnya dengan pementasan teater berskala kecil yang diselenggarakan oleh sanggar-sanggar mentasan teater mereka dan sekali gus agar ia juga dapat disiarkan menerusi dua saluran penyiaran milik kerajaan itu.

Kesemua peranan itu bukan sahaja akan menggalakkan lebih banyak pementasan teater Melayu tetapi ia turut memberi peluang kepada para peminat teater tempatan menikmati salah satu seni persembahan yang mereka minati itu.

Teater tidak harus dijadikan sebagai seni persembahan 'kelas kedua' kerana bidang ini juga menyediakan kursus secara khusus di banyak IPTA seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

Kalau seni teater terus diabaikan, apalah gunanya kita melahirkan ramai graduan daripada bidang ini pada saban tahun di IPTA tersebut?

Selain sumber hiburan, seni persembahan teater juga merupakan salah satu medium penting bagi mengetengahkan apa-apa juga permasalahan yang berlaku dalam masyarakat dalam bentuk yang santai.

Diharap selepas ini, badan-badan kerajaan lebih peka dengan permasalahan yang berlaku dalam dunia pementasan teater tempatan kerana bidang ini masih lagi memerlukan pembelaan berterusan daripada semua pihak.

Ini kerana, kalaulah seni pementasan teater terus malap ataupun pupus, dibimbangi kita akan kehilangan satu lagi cabang seni yang boleh mewakili kesinambungan seni, budaya dan warisan masyarakat negara ini pada masa depan.

BERITA MINGGU
Tarikh: 21/09/08

# Konflik lima sahabat

Sinema

Siri drama Kami mengenai remaja kota dibawa ke layar perak

Oleh Suzan Ahmad

RANGKUMAN yang dihimpun daripada siri drama berkonsep urban berjudul *Kami* yang ligat disiarkan di 8TV sekitar tahun lalu ini diterjemahkan dalam cara yang cukup santai dan bergaya di layar perak. Olahan jalan cerita dan plot diberikan pendekatan dan sentuhan ringkas menerusi pengaruh karyawan filem bebas masa kini, sememangnya boleh menjadi daya penarik untuk mengumpan kaki wayang ke panggung pada hari lebaran ini.

Judul *Kami* mengingatkan kita pada filem lakonan Sudirman Arshad arahan Patrick Teoh yang diterbitkan pada awal 1980-an dulu. Filem itu berkaitan persahabatan dua budak jalanan, manakala *Kami* versi 2008 ialah mengenai persahabatan lima remaja kota.

Untuk berasa lebih dekat dengan *Kami*, boleh dikira bonus jika penonton pernah mengikuti siri *Kami* sewaktu ligat disiarkan di kaca TV suatu waktu dulu. Ini disebabkan watak dan perwatakan, plot dan jalan cerita memang diambil sepenuhnya daripada siri berkenaan. Jadi, apa yang bakal anda tonton di panggung adalah kesudahan kepada perjalanan pencarian diri dan mengenal apa itu erti pergolakan dalam kehidupan bukan saja lima sahabat tetapi juga keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka.




*Ali (Syarul) cuba masuk campur urusan Lynn (Liyana) dan Boy (Zahiril).

Memandangkan penulis mengikuti siri drama *Kami*, jadi ada ketikanya penulis seolah-olah lupa sedang menonton *Kami* dalam bentuk filem di pawagam kerana sentuhan dramatik dan sinematiknya tidak terasa kerana ia bagaikan menonton sebuah drama TV di pawagam.

Mungkin ada yang sedikit canggung dengan suasana baru ini dan mempersoalkan objektif menerbitkan *Kami* dalam bentuk filem jika kualitinya sama dengan siri TV. Namun hakikatnya, suasana menonton dengan tahap kepuasan yang dirasai memang berbeza. Khalayak sasaran sudah pasti kalangan remaja selain sesuai juga untuk ibu bapa yang tinggal di bandar besar.

Sasarannya memang serampang dua mata kerana konflik yang perlu dihadapi dilihat dari perspektif dan kaca mata remaja dan juga ibu bapa.

Corak lakonan yang cukup bersahaja, emosi dan jiwa diberikan barisan pelakon muda ini patut dikagumi.

*Kami* mengisahkan lima sahabat iaitu Lynn (Liyana), Ali (Syarul Ezani), Sofie (Juliana Evans), Abu (Nas-T) dan Adii (Zayanah). Semua lima sahabat yang baru saja berasa bebas selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) cuba mencari dan mengenali diri masing-masing dalam menjalani kehidupan harian mereka.

Walaupun mereka berlima cukup akrab dan seolah-olah tidak dapat dipisahkan, masing-masing menyimpan rahsia membabitkan konflik diri dan keluarga. Lynn, yang baru berpindah ke bandar dari kampung, punya cerita hitam yang hanya diketahui ibunya (Rozie Rashid).

Abu pula yang kematian abang dalam satu kes samun bunuh tidak dapat mengawal diri daripad[a] ... tan mencuri dan terbabit dal[am] pergaduhan. Hakikatnya, tiad[a] yang tahu dia baru saja melar[ikan] diri dari pusat pemulihan akh[lak].

Sofie, rakan mereka yang p[aling] cantik dan bijak pula masih ti[dak] dapat melupakan cinta terha[dap] ... walaupun sudah ada teman l[elaki] baru. Malah, perceraian ibun[ya] ... untuk kali kedua juga membe[ri] kesan buruk ke atas hubunga[n] ... ka anak beranak.

Ali pula sedang bergelut de[ngan] tabiat lama iaitu penagihan d[adah] dan perceraian ibu bapanya. ... yang juga sepupu Ali, memba... rakter paling kuat dan stabil a[ntara] mereka berlima. Walaupun se... menjadi tempat rakan-rakan ... ahkan perasaan, Adii sendiri s... melalui konflik untuk memah[ami] apa itu cinta sejati.



Rasa bebas selepas SPM berakhir.



Abu (Nas-T) mencuba bakat sebagai vokalis.



FILEM: **Kami**
PENGARAH: **Effendee Mazlan & Fariza Azlina Isahak**
PELAKON: **Liyana Jasmay, Syarul Ezani, Juliana Evans, Nas-T, Zayanah Ibrahim dan Zahiril Adzim**
GENRE: **Drama**
MULA TAYANG: **1 Oktober 2008**

HARIAN METRO
Tarikh: 22.2.2008.



# Anak seni berhemah tinggi



Sudirman dalam kenangan

Sempena 16 tahun pemergian Penghibur Nombor Satu Asia, Aswara anjur majlis Mengenang Sudirman 26 Februari ini



SUDIRMAN...tinggal nama sebagai anak seni berhemah, membanggakan.

>>Oleh Hartati Hassan Basri
hartati@hmetro.com.my

PEMERGIANNYA masih ditangisi, ketiadaannya belum berganti. Biarpun sudah 16 tahun penghibur Sudirman Haji Arshad meninggal dunia, lagu-lagunya tetap segar menghiburkan kita.

Suaranya mendayu-dayu mengalunkan lagu cinta seperti Terasing, Merisik Khabar, Salam Terakhir dan Hujan. Malah, setiap kali hari raya, musim cuti sekolah atau bulan merdeka, suaranya berkumandang di radio dengan lagu Anak Desa, Balik Kampung, Basikal Tua dan Tanggal 31.

Seperti kata penulis lirik terkenal, Habsah Hassan, baginya Sudirman kreatif dan tahu mempelbagaikan tema dalam lagu yang disampaikan. Itulah sebab suaranya akan menghiburkan kita sepanjang masa dan bukan pada waktu tertentu saja.

Anak pasangan Arshad Hassan dan Ramlah Dahlan ini meminati bidang seni sejak kecil dan menyertai pertandingan Bintang RTM pada 1976 mempertaruhkan lagu Cabaret yang dipopularkan Liza Minelli. Setahun kemudian, Allahyarham menjadi artis syarikat rakaman EMI hingga ke akhir hayatnya.

Walaupun memiliki ijazah undang-undang dari Universiti Malaya pada 1981 dan menjadi peguam pada 1983, arwah Sudir memilih nyanyian.

Ketika hayatnya, penyanyi ... pada 12 Mei 1955, mencatat sejarah dengan menghiburkan 90,000 peminat dalam satu konsert percuma di Chow Kit pada 1986.

Sudir juga mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa apabila diumum Penghibur Nombor Satu Asia di Salem Music Award di London pada 1989.

Kebolehannya bukan saja sebagai penyanyi malah berlakon, melukis kartun, menulis rencana dan komik serta bidang perniagaan melalui Sudirman Usaha Dagang Industri Sdn Bhd (SUDI) dan Sudir Shoppe.

Di sebalik senyuman manisnya, siapa sangka wujud kesedihan dan kekecewaan dalam dirinya. Dalam satu temuramah pada 1989, Sudir mengakui melalui dua ... iaitu ketiadaan ibu bapa untuk berkongsi kejayaannya serta kegagalan perkahwinan.

Sudir berkahwin dengan Kamariah Jamaluddin pada 14 Februari 1981 dan berpisah pada 25 Mei 1984 dan tidak pernah berkahwin lagi selepas itu.

Penyanyi kecil berjiwa besar ini pergi menyahut panggilan Ilahi di rumah kakaknya di Bangsar, Kuala Lumpur, kira-kira jam 4 pagi pada 22 Februari 1992 kerana penyakit radang paru-paru. Sudir pergi tanpa pesan selepas berbulan-bulan sakit dan 'disembunyikan' keluarganya.

Namun, Sudir meninggalkan nama sebagai anak seni berhemah dan membanggakan. Sudir menjadi contoh kepada artis generasi baru untuk tampil sebagai anak seni yang berpendidikan tinggi, bijak, berjiwa besar, patriotik, berdaya kreatif dan gigih bekerja.

Kini tanggal 22 Februari akan diingati setiap tahun sebagai mengenang pemergiannya. Biasanya satu majlis tahlil akan diadakan kakak arwah, Datin Rodziah Arshad dan turut dihadiri rakan artis.

Sebagai mengenang ulang tahun pemergiannya, Akademi Seni Budaya dan Warisan (Aswara), menganjurkan majlis Mengenang Sudirman pada 26 Februari ini.

Radio Televisyen Malaysia (RTM) pula akan menyiarkan semula Konsert Dari Suara Hati Sudirman yang diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam pada 1 April tahun lalu dalam satu segmen khas selama lima minggu mulai 3 Mac.



AL-FATIHAH...pusara Sudirman ... Cengal, Temerloh, Pahang.



SERBA-BOLEH...Allahyarham ... babak filem Kami yang per...

BERITA HARIAN
Tarikh: 29/02/08

# Rahsia kematian Sudirman terlera

*Penghibur nombor satu meninggal kerana kegagalan hati bukan Aids*

INFO

**Sudirman**

- Sudirman dilahirkan di Temerloh, Pahang pada 25 Mei 1952.
- Menang Bintang RTM pada 1976.
- Menjadi artis syarikat rakaman EMI pada 1977.
- Lulus ijazah undang-undang dari Universiti Malaya pada 1981.
- Album - *Aku Penghibur* pada 1978, *Perasaan* (79), *Anak Muda/ Lagu Anak Desa* (80), *Lagu Dari Kota/Twinkle Twinkle Little Star* (81), *Abadi/Lagu Cinta* (82), *Image* (83), *Lagu Dari Sebuah Bilik/Orang Baru* (84), *Kul It* (86) dan *One Thousand Million Smiles* (89).
- Penghibur Terbaik, Anugerah Sri Angkasa RTM pada 1985.
- Penyanyi Lelaki Popular Anugerah Bintang Popular Berita Harian pada 1989.
- Penghibur Terbaik Nombor Satu Asia di London pada 1989.
- Timbalan Presiden Persatuan Penyanyi Tanahair (Papita) (1987).
- Berlakon dalam filem *Kami* arahan Patrick Yeoh pada 1982.
- Mengadakan konsert besar-besaran di Chow Kit pada 1986.
- Berkahwin dengan Kamariah Jamaluddin pada 14 Februari 1981 tetapi berpisah pada 25 Mei 1984.
- Dianugerahkan pingat Ahli Mahkota Pahang (AMP) dan Ahli Mangku Negara (AMN) (1990).
- Meninggal dunia pada 22 Februari 1992.

**Oleh Zainuri Misfar**

KELUARGA Allahyarham Sudirman membuat keputusan untuk 'menyembunyikan' Penghibur Nombor Satu Negara itu mengenai penyakit dan punca kematiannya kerana tidak mahu peminat sukar menerima hakikat mengenai keadaannya yang sangat menyedihkan.

Walaupun ia menyebabkan timbul pelbagai andaian sehingga ada yang mengaitkan Sudirman menghidap Aids, tetapi mereka tegas untuk tidak mendedahkan kepada umum punca penyakit dan kematian penyanyi itu.

Rakan karib Sudirman yang juga penulis lirik terkenal tanah air, Habsah Hassan berkata, bagaimanapun, sejak kebelakangan ini keluarga penyanyi itu seperti sudah bersedia untuk bercerita.

"Selepas bertahun-tahun, barulah rahsia itu terungkai. Keluarganya tidak mahu mendedahkan atau memberi peluang masyarakat Malaysia melihat Sudirman pada waktu itu kerana keadaannya yang sangat menyedihkan. Mereka sudah biasa tengok Sudirman dalam sentiasa ceria dan 'cute'.

"Secara perubatan, Sudirman disahkan mati kerana kegagalan hatinya berfungsi dengan sempurna. Tapi sebenarnya, ada punca kematian yang tidak boleh dijelaskan secara perubatan kerana pada waktu itu, Sudirman sedang menghadapi pelbagai perkara aneh.

"Saya akui, ia juga disebabkan ajalnya memang sudah sampai. Tetapi Sudirman melalui banyak perkara misteri dan mistik yang sukar untuk dipercayai pada zaman moden ini. Tetapi hakikatnya itulah yang dihadapi Sudirman sehingga membawa kepada kematian," katanya.

Habsah berkata demikian ketika menjadi tetamu siri Pesona Seni Aswara - Mengenang Sudirman: Program Kecil Berjiwa Besar di Dewan Orkestra, Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (Aswara), baru-baru ini.

Program yang dilancarkan oleh Ketua Pengarah Aswara, Datuk Omar Awang itu menampilkan Mohd Kamarulzaman Taib sebagai moderator.

Habsah berkata, berdasarkan keakrabannya dengan penyanyi itu, beliau mendapati Sudirman ialah seorang pemerhati, ada pandangannya sendiri, memiliki ilmu dan pengetahuan am yang sangat baik.

Katanya, hal ini boleh ditemui menerusi kebanyakan lagu nyanyiannya kerana itu ia menjadikan Sudirman satu-satunya penyanyi yang berani tampil dengan lagu mencakupi pelbagai tema kehidupan.

"Secara peribadi apa yang dibuat oleh Sudirman belum boleh digantikan oleh penyanyi sekarang. Saya bukanlah hendak melebihkan Sudirman kerana rapat dengan Allahyarham, tetapi anda boleh kaji sendiri lagu nyanyiannya, tulisannya, komik yang pernah dihasilkannya. Anda akan dapat apa saja daripada soal isu semasa, kerjaya, kemasyarakatan sehinggalah kepada soal hati.

"Memang soal hati amat mengusik perasaan kerana Sudirman yang saya kenali lebih daripada seorang yang romantis," katanya.

Katanya, Konsert Jalanan yang dibuat oleh Sudirman pada tahun 1984 adalah konsert terbesar yang berjaya menarik lebih 100,000 orang untuk menyaksikannya dan ia adalah

"Dia seorang yang kerja k Mungkin pe tetapi untuk mendapatk tenaga, Sudirman s makan telu mentah"

**Habsah**

antara bukti penyanyi itu m kesungguhan dalam kerjaya

"Untuk memastikan kons berjaya, dia tidak menyerah urusan 100 peratus kepada Sebab itu, Sudirman mengu banyak perkara termasuklah mendapatkan permit polis,'

Habsah berkata, Sudirma tidak menafikan dia bukanl penyanyi yang mempunyai berkualiti, fizikalnya pendek tampan seperti kebanyakan lain dan itu semua dirasaka kekurangan pada dirinya.

Katanya, Sudirman juga s berani dalam menentukan hendak dirakamkan dalam tanpa mempedulikan sama diterima oleh peminat dan

"Sudirman seorang yang sama ada peminat mahu te tidak. Baginya, sebagai pen bukan masyarakat yang be menentukan pilihan lagu ya dinyanyikannya. Sudirman dia yang berhak tentukan d banyak lagunya berjaya.

"Seingat saya, Sudirman satunya penyanyi di negara berani bercakap pasal patri penyanyi yang merakamka

KOSMO
Tarikh: 9/3/08

## Tarian zapin simpan pelbagai rahsia seni budaya Melayu

# Dari Arab ke negeri Johor

Oleh SHANIKA ABDULLATIB
shanika.abdullatib@kosmo.com.my

**SAKSI**

"SECARA peribadi, saya andaikan zapin umpama layar yang terukir falsafah indah cara hidup orang Melayu," mula bicara pensyarah seni tari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), A. Asri. A. Kadir **(gambar)**.

Menurut beliau, sejarah sebenar bila dan siapa menyebarkan tarian ini tidak pernah diketahui namun dipercayai dibawa masuk melalui aktiviti perdagangan ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Melangkaui sejarah panjang di Asia Barat, zapin dikatakan memulakan gerak tarinya di Tanah Melayu pada kurun ke-14.

"Orang Arab terkenal dengan sifat kasar dan bising. Apabila nak memperdagangkan barangan, cara terbaik adalah dengan menari sambil bersuara lantang.

Orang Melayu pula ambil sikap 'lihat' dan perlahan-lahan, keseronokan itu datang dan mereka cuba di rumah.

"Sedikit demi sedikit, elemen kasar masyarakat Arab itu diubah dengan diberi sentuhan kelembutan dan kesopanan bangsa Melayu dan akhirnya, inilah zapin yang kita ada," katanya.

Justeru, pantun atau nyanyian iringan dalam zapin diserap dengan tata susila, keagamaan dan nasihat sebagai peringatan kepada masyarakat yang menyaksikan tarian tersebut.

Meskipun masyarakat acap kali mengaitkan zapin dengan negeri Johor, tarian ini sebenarnya turut wujud di tempat lain.



"Mungkin disebabkan badan kebudayaan negeri Johor banyak memainkan peranan memasyhurkan tarian ini, ramai menganggap zapin sinonim dengan rakyat Johor," jelasnya yang berkecimpung dalam bidang seni tari sejak umur 19 tahun.

Cerita A. Asri lagi, zapin bukan setakat tarian malah ada sesetengahnya, terutama orang lama mampu melihat peribadi si teruna atau dara ketika mereka menari.

"Tikar tidak bersepah ketika menari itu menandakan si teruna mampu kawal diri ketika hadapi masalah manakala si dara pula, kain diangkat hanya sedikit menunjukkan dia pandai jaga maruah," ujarnya.

Dalam pada itu, meskipun zapin merupakan tarian rakyat yang cuma diturunkan melalui ikutan dan pemerhatian, karakter penari itu berbeza dan tersendiri.

Kerana faktor itulah, walaupun tarian zapin dipersembahkan kelihatan sama namun apabila dilenggok secara individu, akan terlihat keunikan penari.

"Terdapat lebih 200 nama zapin dan ia bergantung pada tempat atau daerah ia berasal," katanya.

Antaranya adalah Zapin Bunian dan Zapin Parit Mastar yang berasal dari Pontian manakala Zapin Gelang Patah dan Tanjung Labuh pula dari Batu Pahat.

"Namun yang asal adalah dua jenis zapin iaitu Zapin Sara dan Zapin Hanuman yang banyak bersangkut paut dengan pengaruh orang Arab," ujar A. Asri.

Menyentuh mengenai penglibatan generasi muda dalam tarian ini, A. Asri menjelaskan mereka lebih mudah dilentur.

"Berbanding 10 hingga 15 tahun lalu, bidang seni tari cukup susah mendapat tempat dalam masyarakat kita walaupun secara dasarnya ia adalah sebahagian daripada kehidupan sesuatu bangsa.

"Namun dengan adanya badan-badan swasta dan kerajaan terutama badan kesenian di setiap negeri, zapin, malah banyak lagi jenis tarian dapat diangkat ke pentas antarabangsa," jelas A. Asri.

Lebih unik, tarian ini bukan saja terhad ditarikan oleh bangsa Melayu, malah telah menarik perhatian bangsa lain.



ZAPIN dikatakan memulakan gerak tarinya di Tanah Melayu pada kurun ke-14.



TARIAN zapin kebiasaannya ditarikan secara berpasangan tanpa ada had penari dan masa.

BERITA HARIAN
Tarikh: 15/03/08



BERI SAINGAN: Selipar Jepun bersaing rebut Kategori Skrip Asal Terbaik.



PENUH PENGHAYATAN: Antara adegan teater Dua, Tiga Dalang Berlari.

# Anugerah Seni Boh Cameronian Keenam

*Dua monodrama skrip bahasa Melayu, Selipar Jepun dan Dua Tiga Dalang Berlari berentap*

Oleh Nazmi Yaakub

ANUGERAH Seni Boh Cameronian Keenam menyaksikan naskhah monodrama, *Selipar Jepun*, berentap dengan naskhah teater muzikal, *P Ramlee, The Musical* dan teater wayang kulit, *Dua, Tiga Dalang Berlari* untuk merebut Kategori Skrip Asal Terbaik - Bahasa Malaysia.

Selipar Jepun karya dan arahan Dr Zulkifli Mohamad yang dipentaskan di Stor Teater Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, menyorot dua tragedi rentetan daripada kekejaman tentera Jepun menceroboh masuk ke negara ini pada Perang Dunia Kedua.

Kezaliman tentera Jepun di Tanah Melayu menjadi igauan ngeri sehingga kini kepada yang terpaksa melaluinya kerana kehidupan sarat dengan kekecewaan dan penderitaan serta dua watak kecil yang terselit dalam sejarah besar itu tidak terkecuali.

Kehidupan Kamilah dikisahkan melalui monolog Yie lakonan M Shahrul Mizak, dalam perjalanan antara Kota Bharu ke Singapura dan dipertemukan dengan Kenanga (Marlenny Deen Erwan) yang turut bermonolog mengenai penderitaan Che Hassan.

Sebagai naskhah monodrama, *Selipar Jepun*, bukan satu-satunya skrip yang dipentaskan menggunakan konsep terbabit kerana banyak produksi khususnya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) berada dalam jalur ini.

Aswara mementaskan empat monodrama serentak pada tahun lalu, *Penjual Ubat* karya Khalid Salleh; *Senjalara* (Norzizi Zulkifli); *Rebab Berbisik* (Rahimidin Zahari) dan *Interview* (Ahmad Yatim) manakala DBPWS aktif menganjurkan teater genre itu kebelakangan ini.

Skrip *P Ramlee, The Musical*, yang ditulis bersama oleh Adlin Aman Ramlie dan Al-Jafree Md Yusof pula, mengangkat perjalanan hidup dan seni, Allahyarham Seniman Negara, Tan Sri P Ramlee selama kira-kira empat dekad dalam memberikan pelbagai warna kepada industri hiburan tanah air.

Pementasan yang diarahkan Adlin bersama-sama Zahil Albakri di Istana Budaya, Kuala Lumpur itu, mengimbangkan antara rakaman perjalanan hidup beliau dengan sorotan hasil karyanya yang terbaik, selain pengorbanannya dalam bidang seni.

Sean Ghazi membawa watak P Ramlee manakala Saloma pula dilakonkan Liza Hanim, selain



Adlin Aman Ramlie



Loh Kok man



Dr Zulkifli Mohamad



Fahmi Fadzil

Eddie Yusoff, Joseph Gonzales, Colin Kirton dan Douglas Lim.

Pencalonan *P Ramlee, The Musical* untuk Kategori Skrip Asal Terbaik tentu membuatkan khalayak teater tertanya-tanya kedudukan teater muzikal yang dipentaskan di tempat yang sama, iaitu *Teater Muzikal Putra* dan *Teater Muzikal Cheng Lock*.

Usaha menyelongkar seni tradisional wayang kulit pula melatari skrip *Dua, Tiga Dalang Berlari*, karya Fahmi Fadzil, Lim Chung Wei, Wong Tay-Sy dan Mark Teh yang turut bertindak sebagai Pengarahnya.

Teater itu dipentaskan di The Annexe Gallery Studio Theatre, Central Market Annexe, Kuala Lumpur, dianggap persembahan berbentuk dokumentasi yang menilai kedudukan tok dalang

Nama besar yang pernah mewarnai tradisi itu, Dollah Baju Merah dan Hamzah Awang Mat turut mendapat sorotan dalam skrip berkenaan, selain petikan daripada wawancara dan berita di akhbar.

Kategori Skrip Asal Terbaik - Bahasa Inggeris pula menyaksikan dua naskhah saja berentap, iaitu *Tarap Man* karya Ann Lee dan *Ah Steve* (Mark Beau De Silva).

*Tarap Man* arahan Zahim Albakri itu, dipentaskan di The Annexe Gallery Studio Theatre manakala *Ah Steve* pula diarahkan Datuk Faridah Merican dan dipentaskan di The Actors Studio, Pusat Beli-belah Bangsar, Kuala Lumpur.

Anugerah Seni Boh Cameronian Keenam Kategori Persembahan Kumpulan Terbaik pula menyaksikan persaingan antara dua pementasan oleh

*A Bucketful of Beckett: 8 Shots* oleh The Ensemble Theatre of Kuala Lumpur (KL Ensemble); *Ten* (The Actors Studio & Noise Performance House) serta *Terra Arata* (The Jumping Jelly Beans).

Calon untuk Kategori Pengarah Terbaik pula ialah Adlin dan Zahim untuk *P Ramlee, The Musical*; Joanna Bessey (*Enemy of the People*); Lim Yeow Haw (*Little Mission Impossible*); Loh Kok Man (*The Lost & The Ecliptic*) serta Mark (*Dua, Tiga Dalang Berlari*).

*P Ramlee, The Musical* mempertaruhkan dua pelakonnya, Sean dan Liza untuk Kategori Pelakon Utama Terbaik, selain Anne James daripada *The Breath of Life*; Joe Hasham (*"Eh Joe"* dalam *Electric Beckett*) serta Matt Crosby (*Know No Cure*).

Teater *P Ramlee, The Musical* turut mempertaruhkan dua pelakonnya untuk merebut Kategori Pelakon Pembantu Terbaik melalui Melissa dan Ched Eddie disaingi Azmir Abdullah daripada The Illusion serta Berg Lee (*Little Mission Impossible*).

Kategori Rekaan Cahaya Terbaik pula akan dipertandingkan oleh Lim Ang Swee daripada *Little Mission Impossible*; Loh Kok Man (*The Lost & The Ecliptic*); Mac Chan (*Know No Cure*); Tan Eng Heng (*Okiku - A Tragedy Retold*) dan Teo Kuang Han (*P Ramlee, The Musical*), manakala Kategori Reka Bentuk Set Terbaik pula ialah Adam Gardnir (*Know No Cure*); Berg Lee (*Little Mission Impossible*); Caecar Chong (*The Lost & The Ecliptic*); Fang Chyi (*Okiku - A Tragedy Retold*) serta Raja Maliq (*P Ramlee, The Musical*).

Calon untuk Kategori Rekaan Muzik dan Bunyi Terbaik ialah Ahmad Syafiq dan Adam Broinowski daripada *Know No Cure*; Dick Lee, Erwin Gutawa dan Larry Mignogna (*P Ramlee, The Musical*); Gregory Chen, Caecar Chong, Berg Lee, Tin Tan dan Penny Low (*Little Mission Impossible*); Michael Thomas (*"Eh Joe"* dalam *Electric Beckett*) serta Michael Thomas (*Krapp's Last Tape* dalam *Electric Beckett*).

Loh yang dicalonkan untuk dua pementasan teater, *"Eh Joe"* dan *Krapp's Last Tape* dalam *Electric Beckett* untuk Kategori Rekaan Kostum pula bakal berentap dengan Angah dan Shada Hamid (*P Ramlee, The Musical*); Berg Lee (*Little Mission Impossible*) serta Dominique Devorsine (*Know No Cure*).

Anugerah Seni Boh Cameronian Ke-6 yang akan diadakan di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, pada 11 Mei ini, turut menyediakan hadiah untuk persembahan tarian dan muzik serta bertujuan mengiktiraf sumbangan

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 17/03/08



SALAH satu adegan dalam *Painted Rain* yang dipentaskan di Black box, Aswara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Gambar AZLI AHAD



LAKONAN Tengku Iefizulasyrifie Putra Tengku Alaudin (kanan) yang melakonkan watak menggambarkan perwatakan kanak-kanak generasi baru.

# Psikologi kanak-kanak dalam *Painted Rain*



NAWFAL MOHD. ZAMRI

Oleh ABD. AZIZ ITAR
*aaziz@utusan.com.my*

*PAINTED Rain* bukanlah sebuah naskah kompleks dan rumit. Sebaliknya, ia cuma sebuah karya pendek yang dipetik daripada buku *Short Plays* karya penulis muda Amerika Syarikat, Janet Allard.

Buku tersebut hanya menghimpunkan beberapa naskah ringkas. Namun begitu, setiap karya dalam *Short Plays* kaya dengan pelbagai tema yang menarik khususnya aspek terapi kanak-kanak.

Kelahiran *Painted Rain* bukanlah dari sebuah ruang imaginasi semata-mata. Allard menggarapnya dengan begitu berkesan hasil daripada pengalaman ibunya yang merupakan pakar dalam bidang tersebut.

Mungkin Allard dan karyanya tidak popular di negaranya, tetapi tidak bermakna koleksi *Short Plays* dan *Painted Rain* bukan sebuah karya yang tidak bermutu - ada nilai-nilai estetika yang cukup kuat.

Isu yang cuba diangkat ke permukaan dalam *Painted Rain* ialah tentang pembentukan jiwa kanak-kanak dalam konteks ruang perkembangan kognitif.

Kekuatan itulah yang cuba dibongkar oleh pelajar Jabatan Teater, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Kuala Lumpur, baru-baru ini melalui pementasan adaptasi.

Sebenarnya tanpa disedari oleh Allard perbincangan tentang kenyataan perkembangan kognitif oleh Jean Piaget.

Piaget merupakan ahli falsafah, ilmuwan dan ahli psikologi perkembangan berketurunan Swiss. Beliau terkenal kerana mengemukakan hasil penelitiannya tentang anak-anak serta teori perkembangan kognitifnya.

Beliau juga merupakan perintis besar dalam teori konstruktif tentang pengetahuan selain berjaya memperluaskan konsep perkembangan kanak-kanak oleh ahli psikologi, James Mark Baldwin.

Dalam penelitian tersebut, Piaget mengemukakan tahpa-tahap pembentukan remaja kepada tahap bayi, prasekolah, kanak-kanak dan remaja.

Masing-masing pada tahap ini dicirikan oleh struktur kognitif umum yang mempengaruhi semua pemikiran kanak-kanak (suatu pandangan strukturalis yang dipengaruhi oleh ahli falsafah Immanuel Kant).

Jadi, perkembangan dari satu tahap ke tahap yang lainnya disebabkan oleh terkumpulnya kesalahan di dalam pemahaman kanak-kanak tentang persekitaran - akhirnya menyebabkan suatu tingkat ketidakseimbangan kognitif yang perlu ditapis oleh struktur pemikiran.

Sama seperti pendapat Piaget, apa yang diketengahkan oleh Allard menerusi watak Dustin dan Teddy dalam *Painted Rain* ialah perwatakan

> **Isu yang cuba diangkat ke permukaan dalam *Painted Rain* ialah tentang pembentukan jiwa kanak-kanak dalam konteks ruang perkembangan kognitif**

Jiwa kanak-kanak yang berkembang seiring dengan tumbesaran fizikal dan mental mereka merupakan cabaran kepada sesebuah institusi keluarga.

Selaku pengarah *Painted Rain*, Nawfal tertarik untuk mementaskan karya tersebut kerana jalan ceritanya yang dekat dengan dirinya. Meskipun pementasan itu sebagai suatu pra-syarat pengajiannya tetapi mesej naskah tersebut dekat di hatinya.

Menurut Nawfal, teater Inggeris itu juga berjalan seiring dengan pengalaman-pengalaman yang pernah dilaluinya sebelum ini.

"Sebelum ini, saya pernah menjadi guru tadika selama setahun setengah. Saya juga aktif dalam kerja-kerja kebajikan di Rumah Kanak-Kanak Nur Salam Chow Kit dan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Tengku Budriah.

"Sebab itu saya rasa jiwa saya dekat

Kata Nawfal, buku *Short Plays* diperoleh ketika dia berkunjung ke sebuah kedai buku di ibu negara awal Januari lalu dan *Painted Rain* yang dimuatkan menerusi buku itu begitu menarik minatnya.

"Saya hubungi Janet kerana mahu meminta kebenaran untuk mengangk naskah tulisannya itu ke pentas teater

"Selepas hampir sebulan menunggu beliau kemudiannya memberi kebenaran kepada saya untuk mementaskan karyanya itu," ujarnya.

Pelakon-pelakon yang mementaska *Painted Rain* ialah ialah Tengku Iefizulasyrifie Putra Tengku Alaudin selaku Teddy, Christopher Daniel (Dustin) dan Nur Syahida Marzuki (Barbara).

Tambah Nawfal, selaku penulis *Painted Rain*, Janet Allard juga terha apabila ada pelajar sepertinya yang mahu mementaskan karya tersebut.

"Oleh kerana Janet tahu saya seora pelajar, jadi dia tidak kenakan sebara bayaran apabila saya kemukakan niat saya mahu mementaskan teater ini.

"Malah, Janet turut mendedahkan bahawa watak Barbara dalam karyan itu merupakan kisah sebenar yang dilalui oleh ibunya, Barbara" katanya.

Teater itu antara lain memaparkan tentang watak Dustin yang liat untuk berdikari tetapi begitu bergantung kepada kerusi rodanya.

Persoalan-persoalan ini diperlihatk oleh Allard melalui watak dua remaja

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 07/04/08

Budi Bahasa Budaya Kita

# 1 شريكت فيلم تريما دوتي هيبورن

...يه صولينا عثمان

...ت فيلم تمڤتن يڠ تله
بواه فيلم دري اڤريل هيڠڬ
20... منريما سکيم ڬالقن
ڤربادنن کماجوان فيلم نڬارا
...س) ملّلوءي ڤولڠن دوتي
...برجومله RM4 جوتا.
...يما دوتي هيبورن تربايق
شريکت KRU کومونيکيشن
... منروسي تايڠن فيلم چيچق
...ڤت MIG ،RM726,792.17
...يدرين برحد ڤولا دڠن دوا
... جاڠن ڤندڠ بلاکڠ دان تنتڠ
... سجومله RM1,241,356.96،
...ند منروسي فيلم بولي
...، مخسين، نانا تنجوڠ
... ڤمبورو امس ياماشيتا
RM936,7... دان ميترووليد
...شن سنديرين برحد ڤولا
...جينتا فوتوکوڤي دان رمڤيت
RM205,076.3...
... يڠ دلقسانکن سجق
...رتوجوان ممبريکن ڬالقن




شافعي افدل دايريڠي تيمبلن، تيڠ بون سون ميمڤايکن کنجرن دوتي هيبورن کڤد ڤنربيت ۏيشن ورک يڠ دواکيلي افضلين شوکي. توروت حاضير ڤڠروسي ڤينس، تن سري جينس شمس الدين دان محي الدين مستقيم. - ڬامبر شيف الدين محمد نور.

سچارا برتروسن کڤد ڤڠڬياتن فيلم اونتوق مڠحاصيلکن فيلم تمڤتن يڠ لبيه برموتو تيڠڬي دان برجاي دأعتراف سهيڠڬ دڤريڠکت انتارابڠسا.

ريڤليکا چيک دوتي هيبورن ايت دسمڤايکن اوليه منتري ڤرڤادوان، کبوداياءن، کسنين دان واريثن، داتوء شافعي افدل.

سمڤنا مجليس ڤيمڤاين دوتي هيبورن ايت جوک دأداکن اوڤاچارا منانداتاڠني ميمورندوم ڤرسفهمن (MoU) انتارا ڤينس يڠ دواکيلي کتوا ڤڠارهڽ، محي الدين مستقيم دڠن ناسيونل کيروکرافيک چينل اينترناسيونل (NGCI) دواکيلي اوليه ناءيب ڤريسيدنڽ (بهاکين ڤنربيتن)، براين سميت اونتوق ڤمبيکينن فيلم

دوکومنتاري برتاجوق "مليسيا تو ذي ول 2" يڠ منلن کوس AS$400,000 (RM1.3) جوتا.

دوکومنتاري اين مروڤاکن کرجاسام کالي کتيڬ انتارا کدوا-دوا ڤيهق ايت سلڤس ڤڠحاصيلن فيلم دوکومنتاري "سمت تنل" دان "بيکاميڠ أيه. کيڠ".

سمنتارا ايت، شافعي دالم اوچڤنڽ مموجي ڤراوبهن ڤوسيتيف ايندوستري فيلم نڬارا اين کران جومله ڤنونتون د68 بواه ڤاواڠم ڤد تاهون 2006 برجومله 27.87 جوتا تله منيڠکت کڤد 33.55 جوتا ڤنونتون ڤد تاهون 2007.

"جومله ڤنربيتن فيلم تمڤتن جوڬ منيڠکت دڠن ڤورات ڤنربيتن 23 بواه فيلم ستاهون دڠن کوتيڤن کاسر فيلم تمڤتن منيڠکت کڤد 10.9 ڤراتوس ياءيت RM26.71 جوتا ڤد تاهون 2005 دان منيڠکت کڤد RM29.62 جوتا ڤد تاهون 2006،" کاتاڽ.

منوروتڽ لاڬي، سمنجق سکيم ڬالقن کاواڠن دوتي هيبورن دلقساناکن سباڽق RM35 جوتا تله دڤولڠکن کڤد ڤنربيت فيلم.

## ديواڠک سقتي تربيت البوم ميني

...ولن موزيک
...فولک ايتنيک،
...سقتي تله
...بوم ميني
...دناماکن
...ايڠ' يڠ
...دڠن.
... ترسبوت
... تاهون 2000
...ڠ انق مودا،
...ان (ڤڤايي
...الکفل رملي
...ڠکوتا لاءين
... سو (ۏيولين)
... (ربان/دربوک)،
... (ڬيتر بيس) دان
...کوستيک).
...دجمڤوت مڠاداکن
...ڠام دلامن سنتاي




موزيک ملايو يڠ کاي دڠن ڤلباکاي ڤڠاروه دان ستين يڠ اونيک.

ڤد ڤريڠکت اول ڤنوبوهن، کومڤولن اين لبيه دکاءيتکن دڠن ڤرماءينن کاميلنددالم موزيک مريک کران رواڠ برايکسڤيريمن دڠن التن ترسبوت يڠ دڤراوليه دأونيۏرسيتي.

ستله کسموا اڠڬوتا منمتکن ڤڠاجين، ڤراوبهن موزيک مريک لبيه منجوروس کڤد موزيک ملايو سڤرتي اينڠ، جوکيت، اصلي، زاڤين يڠ ممبنتوق لنسکڤ موزيک

کبوداياءن، کسنين دان واريثن منروسي ايستان بودايا دان بالاي سني لوکيس نڬارا بارو٢ اين.

ايمڤين مريک اياله اونتوق ممبوات کوبهن بارو يڠ مودن

## اسوارا ڤنتس بڠساون رادين ڬالوه

ڤمينت٢ بڠساون برڤلواڠ ميڤسيکن ڤرسمبهن رادين ڬالوه ڤد 11 دان 13 اڤريل اين ڤوکول 8.30 مالم دڤڠڬوڠ باندر راي کوالا لمڤور.

ڤد 12 اڤريل ڤولا اکن دأداکن دوا ڤمنتسن ياءيت ڤوکول 3 ڤتڠ دان 8.30 مالم.

ڤرسمبهن اکاديمي سني بودايا دان واريثن کبڠساءن دڠن کرجاسام جابتن کبوداياءن دان کسنين نڬارا، کمنترين ڤرڤادوان، کبوداياءن، کسنين دان واريثن دان ديوان باندر راي کوالا لمڤور. ماسوق اداله ڤرچوما.



NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 11/04/08

# Step into the performing ar

■ **By K. Harinderan**
*harinderan@nst.com.my*

KUALA LUMPUR: Works by 17 young choreographers will take centre-stage at "The Step Up! Dance Open Day!", organised by National Arts Culture and Heritage Acedemy (Aswara).

The two-day event, from April 19 at Aswara campus in Jalan Tun Ismail, will also see interesting activities which include talks on careers in dance and workshops on hip-hop, traditional and contemporary dances.

Participants can also look forward to performances by Black Box Theatre, Wayang Kulit Theatre and Experimental Theatre.

Aswara artistic director Joseph Gonzales said the objectives of the event are to inspire youths and nurture their talent and passion in performing arts.

"It is also to allow dance enthusiasts to get up close and personal with performing arts," he said.

He said aspiring dancers and the public are invited to the event.

"It's free of charge but participants are advised to register with us," he said.

Registration could be made through Aswara at 03-2697 5319 or call Chee Ah Moi at 03-2697 5046 or Ismadian at 016-6183 649.

Aswara is the only institute of higher learning in Malaysia that provides formal training courses in the arts, culture and heritage to Malaysians.





Lecturers for the Step Up dance.

## EXHIBITIONS

### KUALA LUMPUR

■ **Event:** PIKOM PC Fair 2008
**Venue:** Kuala Lumpur Convention Centre
**Date:** April 11-13 (11am to 9pm)
**Contact:** Low at 03-7955 2922 or email pcfair@pikom.org.my

## SOCIETY

### KUALA LUMPUR

■ **Event:** Asia Regional Conference (Christian fellowship) for women.
**Venue:** Royal Bintang Hotel, Bukit Bintang
**Date:** April 9-11
**Contact:** 012-684 0645 or email anglowmalaysia @add-venture.com.

■ **Event:** Line-dancing classes for breast cancer survivors
**Venue:** Joy Club, Taman Tun Dr Ismail
**Date:** Every Saturday (2pm-3pm)
**Contact:** 03-2144 9932

### PETALING JAYA

■ **Event:** Making organic wheat bread workshop
**Venue:** CETDEM Organic Farming Community Centre
**Date:** April 13 (2pm-4pm)
**Contact:** 03-7875 7767

■ **Event:** Stamp fair by Philatelic Society of Malaysia
**Venue:** MBPJ Library Community Hall
**Date:** April 12-13 (10am-5pm)
**Contact:** Maniam (012-6043 563) or Wong (012-6797 931).

Action."
**Venue:** Tham Wah Wan Temple, J Klang Lama
**Date:** April 11 (8pm)
**Contact:** Ooi at 03-9832 290/03-
7942

### PETALING JAYA

■ **Event:** Talk on "Knowing Our Second Brain (Spinal Cord)"
**Venue:** Universiti Tunku Abdul Rahman's Centre of Extension Education 11, Jalan 13/6

HARIAN METRO
Tarikh: 18/4/2008

# Pesta Gendang Nusan

HUJAN renyai tidak menghalang lebih 20,000 orang membanjiri Dataran Bandaraya, Melaka, bagi menyaksikan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Kelima Bandaraya Melaka Bersejarah, Selasa lalu, yang turut menyaksikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, merasmikan Pelancaran Pesta Gendang Nusantara (PGN) ke-11.

Persembahan PGN selama tiga jam pada tahun ini disertai 601 peserta daripada 24 kumpulan kebudayaan tempatan dan antarabangsa termasuk dari Nanjing, China dan Hozila Folk Dance, Uzbekistan. Selain itu, persembahan turut membabitkan Kumpulan Sri Warisan Som Said (Singapura); Kumpulan Kesenian Sanggar Kota Sabang, Aceh (Indonesia); Kumpulan Kesenian Kabupaten Siak, Riau (Indonesia); Sanggar Sri Gemilang Tembilahan Indragiri Hilir (Indonesia); Dinas Kebudayaan Kota Medan (Indonesia), Kumpulan Kesenian Kabupaten Tebo, Jambi (Indonesia).

Kumpulan Rebana Ubi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengetuai senarai kumpulan budaya tempatan selain artis Akademi Seni dan Warisan Negara (Aswara); artis Majlis Kebudayaan Daerah Batu Pahat, Johor; Kelab Kebudayaan dan Kesenian Kada, Kelantan dan Kumpulan Dendang Anak Terengganu.

Acara sambutan itu diakhiri dengan persembahan bunga api selama 10 minit kira-kira jam 12 tengah malam.



**UNIK...**kumpulan Hozila Folk Dance dari Uzbekistan dengan tarian mereka.



**GAMAT...**Kumpulan Dendang Anak Terengganu dengan persembahan mereka.



**TANGKAS...**pencak silat daripada Aswara.



**KELAINAN...**persembahan delegasi kebudayaan Nanjing dari China.



HARIAN METRO
Tarikh: 29/04/08

# Perlu sedia mengata

## Pesanan Idris Sardi kepada sesiapa ingin belajar bermain biola dengannya

>>Oleh Wan Asrudi Wan Hasan
wanasr@hmetro.com.my

SELEPAS menghiburkan peminat dengan gesekan biola sempena konsertnya di Istana Budaya, maestro muzik Indonesia, Idris Sardi turut melapangkan masa berkongsi pengalaman dan kemahiran pada program Pesona Seni di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), baru-baru ini.

Program di Dewan Okestra Aswara, bermula jam 4 petang itu dihadiri lebih 100 peserta terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian berkenaan serta penuntut Akademi Muzik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Di samping menceritakan pengalaman sepanjang lebih lima dekad terbabit dalam arena seni, Idris Sardi atau Mas Sardi turut mempamerkan skil gesekan biolanya yang menarik perhatian peserta yang hadir. Sesekali dia mendedahkan pengalaman bermain biola dengan lawak jenaka spontan.

Malah hujahnya mengenai kehidupan dan bakat bermain



HEBAT...Mas Sardi mempamerkan kemahiran menggesek biola

alat muzik dianugerahkan Yang Maha Esa turut mendapat perhatian.

"Saya pernah memaklumkan kepada mereka yang ingin menuntut ilmu bermain biola dengan saya supaya sentiasa bersedia untuk menyahut cabaran. Mereka bukan saja perlu serius malah harus lebih mahir daripada gurunya. Ini kerana saya akan berasa lebih selesa dan rela melepaskan tugas bermain biola kepada mereka yang benar-benar berbakat dan layak.

"Saya berpendapat inilah cabaran yang perlu dilalui mana-mana pelajar sekalipun. Selain menyahut cabaran daripada tenaga pengajarannya, mereka juga perlu bersedia berhadapan cabaran selepas tamat belajar.

"Begitupun, bakat dan keistimewaan bermain alat muzik adalah anugerah daripada Tuhan, justeru kita harus memanfaatkannya dengan sebaik mungkin," kata Mas Sardi yang pernah memimpin orkestra RRI Yogayakarta.

Dia yang mula beraksi di Malaysia sejak 1955, pernah memenuhi undangan pada majlis persembahan di istana dan untuk golongan atasan saja. Begitupun, persembahan di IB pada 19 dan 20 April lalu ternyata mendapat sambutan menggalakkan diiringi Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) serta penampilan khas Mohram.

Di Indonesia, Idris dikenali sebagai seorang pemuzik berpengaruh dan menjadi mentor kepada ramai pemuzik. Dalam kariernya, acap kali nama Idris tercatat sebagai penerima anugerah Piala Citra untuk Penata Muzik Terbaik, Festival Filem Indonesia sejak 1967 hingga kini.

Dalam meniti usia 70 tahun, Idris masih kukuh berdiri di hati peminat seni Indonesia dan Malaysia kerana sikapnya yang mudah mesra dan merendah diri. Idris yang mula bermain biola sejak usia lima tahun



**Selain i... turut m... pengaji... konserv... tahun d... adalah ... daripad... peringk... tinggi ... yang b... melahi... dan pe... mahir ... seni pe...**

begitu me... suk dan s... minat muz... bermain b... sikan diri ... lalu terjad...

"Muzik it... lagu, teta... la sukar ...

UTUSAN MELAYU
Tarikh: 05/05/08

# دوکتور غوس مرياهکن مقيوڠ راج عاديل



دوکتور غوس نصرالدين برماءين ربب مقيوڠ راج عاديل.

اوليه محمد صديق محمد صالح

ڤد تاهون 2000، ڤروفيسور داتوء دوکتور محمد غوس نصرالدين دکاتاکن ڤرنه ممباوا انق٢ بواهڽ دري اونيۏرسيتي ساءينس مليسيا (USM) ممڤرسمبهکن مقيوڠ داکادمي سني کبڠساءن (سکارڠ اسوارا).

سلڤس لاڤن تاهون، ڤڠروسي اکادمي سني بودايا دان واريثن کبڠساءن ايت تله دجمڤوت ڤولا سباکاي ڤماءين ربب مقيوڠ راج عاديل يڠ دأداکن سلاما امڤت مالم برتوروت-توروت دان براخير 27 اڤريل لالو.

ڤلاجر٢ يڠ دنيلاي دالم اسڤيک لاکونن، موزيک دان ڤڠوروسن ڤرودوکسي تراوجا دڠن کمونچولن دوکتور محمد غوس يڠ جوک ڤنشرح دUSM.

کحاضيرن دوکتور غوس دان ساورڠ لاکي ڤماءين ربب جمڤوتن، چيق مت جوسه سميمڠث دننتي-ننتيکن ڤمينت تياتر ترادسيونل ايت کران مريک هندق منونتون کدوا-دواڽ دالم مقيوڠ راج عاديل.

BERITA HARIAN
Tarikh: 17/06/08

# Isu politik dapat perhatian di pentas Baca Puisi Pena

*Keputusan Batu Puteh, isu 13 Mei dan sikap lembut Malaysia diluahkan sebagai tanda protes*

**Oleh Nurul Huda Kosnon dan Farah Wahida Md Razid**

ISU perjuangan bangsa Melayu dalam memulihara hak negara dan bangsa Malaysia menggegarkan Baca Puisi Pena di Rumah Pena, Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, baru-baru ini, sehingga khalayak pada malam itu terpegun dengan semangat yang dipamerkan deklamator.

Tirai Baca Puisi Pena dipanaskan pemudah cara yang juga ahli jawatankuasa Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Dr Ibrahim Ghaffar ketika tampil dengan puisi bernada sinis, *Kehilangan Sebuah Kedaulatan*, mengenai penyerahan Batu Puteh kepada Singapura seperti diputuskan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), baru-baru ini.

*kita kian terlalu murah*
*kalaupun kais pagi makan pagi*
*dan hak kita, kita beri*
*yang ada, kita kongsi*
*terima seadanya, asal teman bahagia*
*demi kerelaan sebuah kota*
*untuk mercu majmuk*
*di bumi pusaka*
*kota kita telah hakis*
*milik kita telah habis*
*dan kita rela nangis.*

*kita legasi leka menekuni auti toleransi*
*impikan aman damai sebuah negeri*
*bagai sepotong syurga di muka bumi*
*ramahnya kita*
*kongsi raya*
*kongsi kuasa*
*kongsi takhta*
*apa lagi yang tinggal mutlak milik kita*
*selain ingin membangun*
*monumen majmuk.*

Persembahan beremosi penyair Kelantan, Datuk Suhaimi Yaakob lewat puisi *Tok Janggut* karya Rahimidin Zahari mengalihkan perhatian khalayak daripada isu semasa kepada nostalgia kegemilangan kepahlawanan Melayu di Pantai Timur khususnya di Kelantan.

*Aku pulang dengan siap sedia asal mula*
*sebagai lelaki, anak jantan perkasa*
*aku siap sedia menitiskan darah ke ranting cempaka*
*ini tanah darahku, tak akan kurela kaukikis habis*
*kuoleng mangkuk mimpi para tiran.*
*Inilah nafasku angin bergugus menyebarkan tandus dan nah!! darah matahariku akan*
*terpercik ke tanah Pasir Putih.*
*ringkik angin taufan, sedialah kau*
*akan kuamuk, kugetus kantung nyawaku*
*kalaupun aku mati di tangan bangsaku*
*aku mati sebagai pembela sejati.*

Keghairahan Presiden Lembaga Kaunselor, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Mohd Mansur Abdullah merakam perpaduan bangsa Malaysia yang masih teruji meskipun selepas mencapai kemerdekaan dapat dilihat dalam puisinya, *Janji Sebuah Kemerdekaan.*

Puisinya kedengaran indah ekoran kekuatan pilihan perkataan, hakikatnya menikam kalbu jika dinilai dari sudut makna tersirat bukan saja untuk bangsa Melayu, tetapi juga Cina dan India dalam menghayati nikmat kemerdekaan sehingga saling mencurigai mengakibatkan sejarah luka, 13 Mei.

*Waktu menjadi perakam perjuangan dan pengorbanan*
*nenek moyang tika mencanai kemerdekaan*
*Malayan Union menjelang nakal*
*pada keyakinan yang belum pulih keluhuran*
*dan tulennya masih rapuh*
*sebagai Melayu*
*pribumi sanggup mati berdarah*
*sejarah luka, 13 Mei*
*angkara berdarah sesama kita*
*bukanlah durjana bikinan penjajah pengkhianat!*
*rupanya kita masih saling meragui kesetiaan.*

Puisi *Monolog Sebuah Kemerdekaan* yang disampaikan Pensyarah Bahasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Arbak Othman, mengajak khalayak melarik makna berlapis lewat nada sinis apabila ada antaranya baitnya menyindir makna bebas dan kedaulatan yang 'terbabas' sehingga merugikan negara ini.


Agi


Sutung Umar RS


Azie Azah


Suhaimi Yaakob


Dr Ibrahim Ghaffar


Dr Mohd Mansur Abdullah


Amiruddin Mohd Ali Hanafiah


Mas Adeki


Rahimidin Zahari

**PUISI**

**Suara Bumi Johor**

Bumi Johor
tiada rela
diperhamba
di sini bermula
negara bangsa
nilai perjuangan
tiada terkira
bangkit rakyat
berhati waja

*Puisi Ketua I, Persatuan Penulis Johor (PPJ), Amiruddin Mohd Ali Hanafiah*

**Monolog Sebuah Kemerdekaan**

kemerdekaan....
mengecap
kebebasan
dan kedaulatan
bukan bebas,
sebebas
sehingga
melepasi
batas-batas
bebas

*Karya Prof Madya Arbak Othman*

*Mentafsir firasat*
*ketika si tenang datang menghantar ajal*
*dugong yang terikat di pukat Pak Atan*
*bertembung arus, kuasa dan kemanusiaan*
*berbentang kabus*
*laut kita bersempadan*
*Tanjung Puteri*
*salahkan diri sendiri*
*kita yang membunuh peri kemanusiaan,*
*sejarah sedekat di ruang mata*
*tabiat melepas sekarang di muara*

*kemerdekaan....*
*mengecap kebebasan*
*dan kedaulatan*
*bukan bebas, sebebas*
*sehingga melepasi*
*batas-batas bebas.*

Pengetua Sek Men Keb Bandar Tasik Selatan, Mohd Sidek Mohd Dollah atau lebih dikenali dengan nama pena, Mas Adeki membakar semangat kebangsaan Melayu melalui puisinya, *Gemersik Nusantara* yang menonjolkan kehebatan bahasa Melayu sehingga menguasai Nusantara.

*Gemersik Nusantara*
*di sebalik tiruan kencana berlabuh*
*ada segugus jiwa*
*yang meronta*
*menebar titisan ilmu*
*ke pelusuk Nusantara*
*kegagahan gibran pemidatomu*
*telah menawan Nusantara*
*keunggulan getar pidato Melayumu*
*telah mewarna marak kota.*

